

Ramadhan
1435H/
2014M

MS2-3



Tabung Usahawan
Tani Muda
manfaat golongan
tani

MS7



Aduan
premis
makan kotor
MS 25



Mutiara

PERCUMA



www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>

<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

16 – 30 JUN 2014

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri berasa kecewa dengan jawapan Parlimen Menteri Kerja Raya bahawa Kerajaan Persekutuan tidak berhasrat untuk mengecualikan bayaran kepada pengguna motosikal dan juga tidak memberikan kadar diskaun sebanyak 20 peratus kepada pengguna Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagaimana dinikmati penduduk negeri yang menggunakan kad *'Touch 'N Go'* di Jambatan Pulau Pinang di sini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurutnya, Kerajaan Negeri turut kecewa dengan jawapan Menteri bahawa cadangan pengecualian tol kepada kenderaan kelas 0 (motosikal) di jambatan sama tidak dapat dilaksanakan. Alasan diberi adalah ia dikhuatir akan menjadi '*precedent case*' bagi jambatan bertol lain, seperti di Jambatan Pulau Pinang dan LINKEDUA.

"Macam mana BN (Barisan Nasional) boleh berjaya rakyat kalau tak mahu bantu golongan bawah dengan mengecualikan bayaran tol kepada pengguna motosikal?

"Pada masa sama, keengganannya memberikan diskaun 20 peratus ini telah mempunyai impak negatif dengan kegunaan hanya 13,000 kenderaan setiap hari di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ini.

"Macam mana sasaran harian 17,000 hingga 25,000 pengguna boleh tercapai tanpa memberikan

kadar diskaun sebanyak 20 peratus kepada penduduk Pulau Pinang sebagaimana yang dinikmati pengguna Jambatan Pertama Pulau Pinang?" tegas beliau.

Guan Eng memberitahu, tol motosikal di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah adalah lebih tinggi sebanyak RM1.70 berbanding dengan RM1.40 di Jambatan pertama.

"Pengguna Jambatan Pulau Pinang yang menggunakan *'Touch 'N Go'* dapat menikmati 20 peratus diskaun iaitu RM1.12 untuk motosikal dan RM 5.60 untuk kereta (tanpa *'Touch 'N Go'* RM7.00).

"Kadar tol yang jauh berbeza di antara kedua-dua jambatan ini tidak akan membantu mengurangkan kesesakan lalulintas di kawasan sesak (*choke point*) di Jambatan Pertama Pulau Pinang," ujarnya.

Berikut merupakan soalan Dewan Rakyat dan Jawapan daripada Menteri Kerja Raya kepada Guan Eng pada 17 Jun 2014:-

YB. Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta Menteri Kerja Raya menyatakan kadar tol Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, mengapa Kerajaan Pusat enggan megurangkannya kepada tahap kadar Jambatan Pertama, khususnya motosikal, dan juga enggan memberikan diskaun tol 20% bagi penghuni Pulau Pinang yang menggunakanannya. Berapa banyak bayaran balik hutang setiap tahun.

Jawapan:

*"Tuan Yang Di-Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang*

Berhormat, kadar tol bagi semua jenis kenderaan di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Mu'adzam Shah mengikut kelas Pulau Pinang telah ditetapkan kenderaan bagi tempoh 5 tahun berdasarkan kepada perjanjian pertama (1 April 2014 – 31 Mac 2019) ialah seperti berikut:


- Kelas 0 (motosikal) - RM1.70;
- Kelas 1 (kenderaan 2 gandar 3 atau 4 tayar, kecuali bas dan teksi) - RM 8.50;
- Kelas 2 (kenderaan 2 gandar 6 tayar, kecuali bas) - RM30.50 ;
- Kelas 3 (kenderaan 3 gandar atau lebih, kecuali bas) - RM70.10
- Kelas 4 (teksi) - RM 8.50; dan
- Kelas 5 (bas) - RM26.20.

Mengenai cadangan pemberian diskaun tol, Kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk memberikan kadar diskaun sebanyak 20%

*kepada pengguna di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagaimana yang dinikmati oleh penduduk Pulau Pinang yang menggunakan *'Touch 'N Go'* di Jambatan Pulau Pinang. Manakala cadangan pengecualian tol kepada kenderaan Kelas 0 (motosikal) juga tidak dapat dilaksanakan kerana ia dikhuatiri akan menjadi "*precedent case*" bagi jambatan bertol yang lain, seperti di Jambatan Pulau Pinang dan LINKEDUA.*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah dan tempoh pembayaran semula pinjaman bagi melaksanakan projek Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Sekian, terima kasih."

RUPA bentuk Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang mana Kerajaan Pusat tiada hasrat mengecualikan bayaran kepada pengguna motosikal dan juga tidak memberikan kadar diskaun sebanyak 20 peratus pada kadar tolnya.



Sumbangan Ihya' Ramadhan inisiatif berterusan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

TANJUNG BUNGA – Sejumlah 212 masjid di seluruh Pulau Pinang menerima sumbangan sempena bulan Ramadhan dalam satu Majlis Penyerahan Sumbangan Ihya' Ramadhan kepada Kariah Masjid Peringkat Negeri Pulau Pinang 1435H di Masjid Terapung Tanjung Bunga dekat sini baru-baru ini.

Sumbangan berjumlah RM221,000 itu, diagih-agihkan untuk Masjid Negeri sebanyak RM5,000, lima buah Masjid Daerah dengan peruntukan berjumlah RM2,000 setiap daerah dan RM1,000 untuk setiap kariah bagi 206 buah Masjid Kariah di Pulau Pinang.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut adalah Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Mufti Kerajaan Negeri, Sahibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd, Noor dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut hadir menyaksikan majlis penuh bermakna berkenaan.

Dalam ucapannya, Guan Eng berkata, sumbangan tersebut membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri bagi memastikan

kebijakan dan kesejahteraan semua lapisan masyarakat termasuk institusi masjid di negeri ini terbaik.

Malah, jelasnya, Kerajaan Negeri akan meneruskan agenda memajukan pembangunan ummah dan penghayatan Islam melalui usahasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP), Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang.

“Hal ini dapat diperlihatkan melalui pemberian peruntukan pengurusan Hal Ehwal Agama Islam berjumlah RM25.15 juta dan peruntukan pembangunan berjumlah RM17.88 juta tahun ini.

“Itu tidak termasuk peruntukan sebanyak RM1.35 juta bagi program-program anjuran Kerajaan Negeri dan sambutan Bulan-bulan Al-Quran,” katanya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan ialah penyampaian sumbangan al-Quran Mushaf Qiyam kepada semua Pengurus masjid di Pulau Pinang dan sumbangan buah kurma oleh Pengarah Urusan Yusof Taiyoob Sdn. Bhd., Datuk Yusof Taiyoob kepada Kerajaan Negeri.

Bersempena itu, Guan Eng turut berharap kemeriahan sambutan Ramadhan kali ini tidak hanya disambut oleh umat Islam tetapi juga semua kaum tanpa mengira latar belakang agama.



ANWAR Ibrahim (kiri sekali) dan Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kanan) menyerahkan replika cek kepada salah seorang wakil penerima sambil diperhatikan Ketua Menteri pada Majlis Penyerahan Sumbangan Ihya' Ramadhan kepada Kariah Masjid Peringkat Negeri Pulau Pinang 1435H di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Abdul Malik semasa berucap memberitahu, sumbangan tersebut merupakan inisiatif berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan kelangsungan dan kelancaran program-program ilmiah sepanjang Ramadhan di masjid-masjid di Pulau Pinang.

Menurutnya, sumbangan kecil itu diharap dapat dimanfaatkan bagi menjalankan agenda pembangunan masyarakat melalui aktiviti

pengimaran masjid sepanjang bulan Ramadhan ini.

“InshaAllah, sekiranya dimurahkan rezeki, tahun-tahun mendatang, kita (Kerajaan Negeri) akan mengadakan lagi penyerahan sumbangan sebegini dan bukan sahaja di bulan Ramadhan, tetapi juga bulan-bulan yang lain dalam usaha menghidupkan semula masjid-masjid di Pulau Pinang,” ujar beliau.

JHEAIPP lipat ganda operasi salah laku Ramadhan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) melalui Bahagian Penguatuasa dan Bahagian Pengurusan Halal akan melipat gandakan operasi penguatuasaan bagi membendung salah laku dan perakuan penandaan halal di seluruh Pulau Pinang sempena bulan Ramadhan ini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, operasi penguatuasaan tersebut menekankan kepada Seksyen 15 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996 (EKJSNPP) iaitu kesalahan tidak menghormati bulan Ramadhan.

“Menjual kepada mana-mana orang Islam apa-apa makanan, minuman atau seumpamanya jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1,000

atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya.

“Manakala, bagi mereka yang secara terang-terangan atau di tempat awam didapati minum atau menghisap rokok atau seumpamanya bakal dikenakan tindakan sekali ganda daripada kesalahan yang pertama,” ujarnya pada sidang media di Komtar baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal JHEAIPP, Faizal Ibrahim dan Ketua Bahagian Penguatuasa JHEAIPP, Yusuff Ahmad.

Sebanyak 212 banting amaran penguatuasaan Ramadhan akan digantung di semua masjid-masjid seluruh Pulau Pinang berhubung pengoperasian berkenaan.

Abdul Malik memberitahu, bagi tahun lalu (2013), sebanyak 103 kes tidak menghormati bulan Ramadhan dicatatkan berbanding tahun sebelumnya (2012), hanya 81.



ABDUL Malik Abul Kassim (kanan sekali) ditemani Yusuff Ahmad (tengah) dan Faizal Ibrahim memerhatikan banting amaran penguatuasaan Ramadhan yang bakal digantung di masjid-masjid seluruh Pulau Pinang.

“Bagi membendung angka tersebut daripada terus melonjak, pihak JHEAIPP akan mengadakan operasi bersepada bersama agensi penguatuasa lain membabitkan secara serentak,” tegas beliau.

Dalam pada itu, jelas Abdul Malik, bagi operasi perakuan halal, Bahagian Halal JHEAIPP akan terus melakukan pemantauan bersepada dengan

kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKK) sepanjang Ramadhan tahun ini.

Serentak itu, beliau memberitahu, hotel dan restoran yang tidak mempunyai sijil halal tidak akan dibenarkan mengadakan promosi berbuka puasa pada tahun ini.

“Sehingga Mei lalu, sebanyak

25 hotel telah mempunyai sijil halal, selebihnya, sebanyak 14 hotel masih dalam proses pembaharuan lesen dan dijangka dapat diselesaikan sebelum bermulanya Ramadhan.

“Bagi kategori premis makanan, sebanyak 68 sijil halal dikeluarkan kepada pihak berkaitan iaitu restoran (18), kafeteria/kantin (37), katering (9) dan kiosk (4),” ujar Abdul Malik.



Chong Eng (berdiri, tiga dari kiri) dan Hafez Abdul Aziz (berdiri, tengah) merakamkan gambar kenangan bersama-sama pemimpin setempat lain serta pelatih PSSLM di Taman Desa Wawasan di sini baru-baru ini.

Selitkan info bahaya denggi dalam tazkirah Ramadhan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BERAPIT – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin mengesyorkan supaya info terkini mengenai risiko wabak denggi turut diselitkan dalam slot tazkirah Ihya' Ramadhan di masjid serta surau sepanjang sambutan bulan ibadah nanti.

Menurut Afif, inisiatif tersebut wajar memandangkan musim kemarau yang dijangka sepanjang bulan Ramadhan ini adalah berpotensi untuk pemberian nyamuk aedes di kediaman masing-masing.

"Kalau boleh, dalam tazkirah pada bulan Ramadhan di masjid dan di surau nanti, turut disebut mengenai bahaya denggi kerana risiko nyamuk aedes lebih tinggi pada musim kering," ujarnya sambil memberitahu bahawa sebanyak tiga kes kematian akibat denggi direkodkan pada tahun ini.

Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkata demikian dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Ihya' Ramadhan Kepada Seluruh Surau Dalam Parliment Permatang Pauh di perkaraan Masjid Tengah Jalan Berapit di sini baru-baru ini.

Ahli Parliment Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut berucap serta menyampaikan sumbangan peribadinya berjumlah RM31,500 kepada 63 surau di sekitar kawasan parlimennya.

Sama berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon pada majlis yang turut disertai bekas Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Amir Md. Ghazali.

Anwar dalam ucapannya menegaskan Kerajaan Negeri di bawah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng konsisten memartabatkan Islam di negeri ini



ANWAR Ibrahim (lima dari kiri) sambil ditemani Dr. Afif Bahardin (empat dari kiri) memerhatikan gelagat salah seorang penerima berjabat tangan dengan barisan jemputan kehormat pada Sumbangan Ihya' Ramadhan Kepada Seluruh Surau Dalam Parliment Permatang Pauh di sini baru-baru ini.

sebagaimana dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan, walaupun di Putrajaya acapkali mengambarkan umat Islam Pulau Pinang kononnya dipinggirkan di bawah Kerajaan Negeri hari ini.

Justeru, beliau berharap, sumbangan Kerajaan Negeri berjumlah RM221,000 kepada semua 212 masjid dapat dimanfaatkan demi mengimarahkan 'rumah Allah' sepanjang bulan Ramadhan ini.

"Islam sebagai agama rasmi, hak keistimewaan Melayu, Bahasa Melayu dan kedudukan Raja-Raja Melayu yang dijamin dalam Perlembagaan turut dipegang dengan erat oleh saya (sebagai Ketua Umum PKR), Sdr. Lim Guan Eng (Setiausaha Agung) dari DAP dan Tuan Guru Abdul Hadi Awang (Presiden) dari PAS.

"Ini, yang kita Pakatan Rakyat terus pertahankan, dan ini yang dilakukan oleh Sdr. Lim Guan Eng (selaku Ketua Menteri Pulau Pinang) seperti sumbangan Ihya' Ramadhan tiap-tiap tahun sampai sekarang ini," tegas beliau.

Anwar dalam syarahannya menjelaskan erti ketakwaan yang menjadi maksud hakiki di sebalik puasa, serta hubungan ibadah wajib itu dengan tanggungjawab mengimarahkan masjid atas dasar ketaqwaan juga.

Sumbangan aktifkan seni silat negeri

PADANG LALANG – Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng memuji inisiatif Persatuan Penduduk Desa Wawasan yang dianggap giat mengaktifkan kegiatan belia setempat melalui Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia (PSSLM).

Beliau berbantahan demikian pada majlis penyerahan pelbagai kelengkapan bela diri kepada persatuan penduduk berkenaan di sini baru-baru ini.

"Kos semua kelengkapan bela diri ini (berjumlah) RM2,000 sahaja, selepas pejabat saya menerima permohonan daripada persatuan penduduk.

"Saya rasa apa yang dilakukan di sini adalah sangat baik untuk latihan bela diri, selain, mengaktifkan lagi belia di sini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang sambil merakamkan penghargaan kepada Briged Wanita

setempat.

Pengerusi Persatuan Penduduk Desa Wawasan, A.P. Wijaya yang ditemui kemudian turut merakamkan penghargaan atas sumbangan Chong Eng itu.

Nada sama turut diluaran Jurulatih PSSLM Gelanggang Desa Wawasan, Hafiz Abdul Aziz.

Tambah beliau, dua pelatih dari gelanggang tersebut, Atika Elias, 17, dan Nurfirzahah Mohd. Idris, 17, pada 5 September tahun lepas selama 13 hari menyertai satu kejohanan bela diri peringkat antarabangsa di Seoul, Korea.

"Ini antara sumbangan anak Melayu kita dari gelanggang ini mewakili Malaysia dan Pulau Pinang.

"Saya pun harap sumbangan ini memberi semangat kepada lebih 30 pelatih antara umur tujuh tahun hingga 17 tahun di gelanggang yang berusia lapan tahun ini," jelas beliau.

Bekalan minyak masak & tepung gandum cukup - Malik

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim menasihati pengguna agar tidak panik rentetan laporan kekurangan bekalan minyak masak dan tepung gandum di Pulau Pinang baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik,

pengguna tidak perlu bimbang dan panik kerana bekalan bagi kedua-dua komoditi kawalan tersebut cukup untuk menampung keperluan harian pengguna sehingga bulan Syawal nanti.

"Stok sedia ada bagi minyak masak dan tepung gandum adalah mencukupi dan tiada isu atau sebarang aduan yang melibatkan berlakunya kekurangan bekalan."

"Pengguna juga diminta jangan mudah terpengaruh dengan khabar angin berkenaan dan tidak perlu membeli bekalan lebih daripada biasa yang akhirnya akan menyebabkan kekurangan bekalan akibat tindakan melulu," ujarnya dalam sidang



ABDUL Malik Abul Kassim.

media di sini.

Terdahulu, Abdul Malik mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Pulau Pinang (PPDNKKPP), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), wakil rangkaian Pasific Hypermarket, Gama Supermarket, Pasar Raya AEON Queensbay, Seberang Flour Mills Sdn. Bhd., FFM Marketing Sdn. Bhd., Johor Bahru Flour Mills Sdn. Bhd. dan Kean Seng

Trading Co.

Hasil daripada pertemuan tersebut, beliau berharap untuk mendapatkan komitmen daripada pihak berwajib supaya krisis tepung gandum dan minyak masak diatasi dengan kadar segera dan sewajarnya.

Abdul Malik memberitahu, pihaknya akan membuat pemantauan berterusan melalui 40 pasukan Pemantau Pengguna Negeri berhubung isu berkenaan dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas sekiranya didapati ada pihak yang cuba menyembunyikan bekalan atau melakukan perkara-perkara menyalahi undang-undang.

Kerah STF pantau 164 sungai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri akan menggerakkan pasukan petugas khas atau *Special Task Force* (STF) untuk terus memantau 164 lembangan sungai utama dalam usaha menggiatkan penjenamaan semula sungai-sungai di Pulau Pinang.

Perkara tersebut dinyatakan sendiri Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dalam suatu sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang, Kapten (B) Anuar Yahya dan Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Ang Aing Thye.

Jelas Kon Yeow, pasukan terbabit akan bertindak untuk memantau, merekod dan mengenal pasti punca-punca pencemaran sungai dan pantai dalam usaha menangani masalah pencemaran, khususnya lapan sungai yang dikenal pasti mencatat tahap pencemaran kritikal.

Sungai-sungai yang dimaksudkan ialah Sungai Pinang, Sungai Batu Feringghi, Sungai

Mas, Sungai Satu dan Sungai Kechil yang terletak dalam Daerah Timur Laut. Tiga sungai lain ialah Sungai Kereh di Seberang Perai Utara, Sungai Pertama di Seberang Perai Tengah dan Sungai Jawi di Seberang Perai Selatan.

"Pemantauan awal mendapati penurunan kualiti air sangat ketara dan ini berpunca daripada pencemaran seperti pelepasan air buangan dari loji rawatan kumbahan (syarikat atau persendirian), aktiviti penternakan, aktiviti pertanian, kelodak akibat aktiviti tanah, pelepasan larut resap dari tapak pelupusan sisa pepejal dan pembuangan sampah dalam saliran air," jelasnya.

Antara lain, tambah Kon Yeow, bengkel-bengkel, gerai makanan atau premis perniagaan yang tidak berlesen di tepi sungai atau pantai turut menjadi penyumbang kepada pencemaran tersebut ke paras lebih kritis.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) dengan kerjasama JPS telah mengarahkan satu pasukan petugas khas mengumpul data-data inventori pencemaran melibatkan jarak pemantauan 50 meter dari tebing sisi sungai," tegasnya.

Selain itu, katanya, Kerajaan



CHOW Kon Yeow (tengah) memberi penjelasan berhubung tahap pencemaran sungai negeri sambil diperhatikan Kapten (B) Anuar Yahya (kanan sekali) dan Ir. Ang Aing Thye pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Negeri turut menggunakan aplikasi teknologi *Infinitesimal Quantum Persistent Reflection* (iQPR) dalam projek perintis pemuliharaan Sungai Pinang.

Hasilnya, kualiti air sungai tersebut dapat ditingkatkan dari Kelas IV (kotor) ke Kelas II (bersih) dalam tempoh tiga tahun penggunaannya.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow turut mengumumkan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang dalam mengatasi masalah pencemaran sungai di Pulau Pinang.

"Cadangan tindakan penyelesaian jangka pendek ini melibatkan tempoh tindakan serta-merta sehingga satu tahun seperti penguatkuasaan dan pemasangan perangkap makanan, minyak dan gris oleh pihak berkuastra tempatan (PBT).

"Manakala bagi cadangan tindakan penyelesaian jangka panjang pula melibatkan tempoh dari satu tahun ke tiga tahun seperti penempatan semula mengikut zon dan perobohan, program pemutihan dan menaiktaraf loji rawatan sisa kumbahan terutama di kawasan tumpuan pelancong," ujarnya.

Kon Yeow dalam pada itu berharap, melalui pelan tindakan tersebut, tahap pencemaran dapat dikurangkan dan kualiti air dapat ditingkatkan dari Kelas IV dan Kelas V ke Kelas III atau Kelas II.

Sebagai rujukan, kelas kualiti air Kelas I adalah yang terbaik manakala Kelas V adalah yang terburuk. Kelas kualiti air berkenaan ditentukan berdasarkan kepada Indeks Kualiti Air (WQI) sama ada bersih, sedikit tercemar atau tercemar.

Tubuh koperasi bantu tingkat pendapatan masjid - Angkasa

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BANDAR PERDA - Hampir 100 peserta mewakili masjid masing-masing di seluruh negeri ini hadiri Bengkel Pembangunan Perniagaan Koperasi Kariah Masjid Negeri Pulau Pinang sebagai usaha menambah pendapatan institusi berkenaan dan ahli kariah di sini baru-baru ini.

Bengkel anjuran Perhubungan Angkasa Negeri Pulau Pinang (Angkasa) dengan kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Giatmara Pulau Pinang dan Koperasi Masjid Taman Bertam Indah Berhad, Kepala Batas itu bertujuan memberi pendedahan kepada ahli jawatankuasa (AJK) masjid dan ahli kariah dalam bidang perniagaan.

Ahli Jawatankuasa Angkasa, Datuk Ismail Umar yang hadir pada majlis penutupan bengkel itu berkata, bengkel yang diadakan baru-baru ini diharap dapat membantu dari segi peningkatan ekonomi masjid-masjid di negeri ini.

"Pihak Angkasa akan membantu sedaya upaya proses penubuhan koperasi kariah dan bakal membayar kos perbelanjaan untuk mengadakan majlis

perasmian kelak.

"Saya harap para hadirin yang hadir pada hari ini akan lebih bersemangat untuk menceburi bidang ini setelah pulang dan berbincang dengan AJK masjid masing-masing nanti," katanya pada majlis berkenaan di sini.

Hadir sama, Ustaz Azmi Masjuri, Imam Utama Masjid Daerah Seberang Perai Tengah dan Zariati Osman (Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Pulau Pinang Wilayah Seberang Perai Utara).

Tambah Ismail, perniagaan koperasi bukan sahaja tertumpu kepada perniagaan kecil-kecilan, malah boleh juga memberi tumpuan kepada perniagaan berskala besar.

"Mereka boleh juga mencuba nasib dalam perniagaan katering, pelancongan,



SEBAHAGIAN peserta yang menghadiri Bengkel Pembangunan Perniagaan Koperasi Kariah Masjid Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

kedai runcit, pusat tuisyen dan tadika," jelas beliau.

Dalam pada itu, Azmi berkata, setiap ahli kariah harus merebut peluang terbabit kerana masih terdapat banyak masjid

yang belum menuju koperasi.

"Saya harap ahli yang hadir pada hari ini dapat membawa idea kepada pengurus masjid sehingga tertubuhnya koperasi sendiri," seru beliau.

Persiaran Karpal Singh tanda penghargaan

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

JELUTONG – Sepanjang 1.55 kilometer (km) medan siar kaki di sebahagian tepi pantai Jelutong dari Sungai Pinang ke Lebuh Sungai Pinang 1 kini dikenali sebagai Persiaran Karpal Singh.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyempurnakan majlis perasmian bersejarah tersebut berkata, dengan penamaan semula medan siar kaki tersebut, sumbangan mendiang Karpal Singh akan terus diingati.

“Harimau mati tinggalkan belang, manusia mati tinggalkan nama.

“Sinonim dengan sikap, jasa, budi dan khidmat mendiang kepada masyarakat dan negara dalam mendonggak keadilan, berpegang pada prinsip-prinsip kukuh dan pantang undur yang dimiliki hingga beliau digelar sebagai ‘Harimau Jelutong’.

“Kini, dengan penamaan ini, nama Karpal Singh akan terus dikenangi dan disanjungi dalam sejarah politik dan

perundangan Malaysia,” ujarnya pada Majlis Pelancaran Penamaan Persiaran Karpal Singh di sini baru-baru ini.

Ekoran pelancaran tersebut, Lebuh Sungai Pinang 4 sepanjang 290 meter kini dikenali sebagai Persiaran Karpal Singh 1, manakala, Lebuh Sungai Pinang 5 (510 meter), Persiaran Karpal Singh 2.

Turut hadir, balu mendiang, Gurmit Kaur, anak sulung merangkap Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Ramkarpal Singh yang menggantikan mendiang sebagai Ahli Parliment Bukit Gelugor serta cucu-cucunya.

Hadir sama sebagai penghormatan, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail, barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli-ahli Majlis MPPP.

Karpal Singh yang juga seorang anak watan Pulau Pinang maut dalam kejadian kemalangan di Lebuhraya Utara Selatan pada 17 April lalu pada usia 74 tahun.



GURMIT Kaur (empat dari kanan), Jagdeep Singh Deo (dua dari kanan) dan Ramkarpal Singh (kiri sekali) memegang papan tanda tertera Persiaran Karpal Singh pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Pejabat ‘hijau’ PGC terima pensijilan emas GBI

GEORGE TOWN – Ibu pejabat baru *Penang Green Council* (PGC) bercirikan konsep pembangunan lestari berdasarkan Indeks Bangunan Hijau (GBI) pada rekabentuk dan penggunaan sumber-sumber dalaman membolehkannya menerima pengiktirafan *Gold Certification of GBI Interior Tool* daripada *Malaysian Green Building Confederation* (MGBC) baru-baru ini di sini.

sumber-sumber semulajadi, pejabat PGC berelemenkan lantai simen, dinding bilik daripada kayu papan dan meja kerja diperbuat daripada kayu yang dikitar semula,” katanya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Pengurus Besar PGC, Thing Siew Shuen, barisan Exco Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan.

Menurut Guan Eng, pada tahun 2012, beliau telah melancarkan projek Pensijilan Pejabat Hijau di Pulau Pinang.

“Pada hari ini, PGC sekali lagi telah berjaya mengharungi cabaran dan mencapai satu kejayaan luar biasa dengan melestarikan Projek Perintis Pertama di Malaysia yang menerima pensijilan emas,” ujarnya yang turut berharap idea serta pengiktirafan tersebut akan memberikan contoh kepada yang lain.

Berkonsepkan penggunaan



REKA bentuk ibu pejabat PGC yang berjaya menerima pengiktirafan *Gold Certification of GBI Interior Tool* daripada MGBC baru-baru ini di sini.

PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG SESI 2014 / 2015

Permohonan boleh dibuat melalui online mulai 2 Mei 2014 hingga 31 Julai 2014

<http://epp.penang.gov.my>

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Kehilmatan Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10603 PULAU PINANG
Tel : 04-6506641 / 6166 / 6391 / 6699 / 6627
Faks : 04-2613453

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang

Sijil Diploma Ijazah Sains Ijazah Sastera Sarjana PhD

P. Pinang perintis projek urus sisa organik domestik dunia

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI & ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Pulau Pinang antara tiga buah bandaraya di Asia yang dipilih bagi melaksanakan projek perintis pengurusan sisa organik domestik oleh badan antarabangsa *Climate and Clean Air Coalition* (CCAC), Bank Dunia dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di bawah Program Alam Sekitar (UNEP) dalam usaha mengurangkan pembuangan sisa organik dari kawasan kediaman ke tapak pelupusan sampah di sini.

Selain Pulau Pinang, dua lagi bandaraya terpilih untuk melaksanakan projek perintis ini ialah Dhaka, Bangladesh dan Hanoi, Vietnam.

Di Pulau Pinang, projek berkenaan dijalankan di enam kawasan kediaman terpilih antaranya di bahagian pulau, Flat PPR Jalan Sungai (Sungai Pinang), Taman Pelangi (Lebuh Macallum), *The Peak* (Jalan Mount Erskine). Manakala di Seberang Perai pula, *Park View* (Butterworth), Taman Pandan (Butterworth) dan Taman Tanjung Indah (Butterworth) telah dipilih sebagai perintis dalam pelaksanaan projek tersebut.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, melalui pelaksanaan projek perintis tersebut, Kerajaan Negeri bakal memberi insentif kepada penghuni kawasan kediaman terpilih yang mempraktikkan pengasingan sisa organik dan kitar semula.

"UNEP dan Bank Dunia dengan kerjasama Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) kini dalam

perancangan untuk membangunkan pelan pelaksanaan berdasarkan insentif bagi pengurusan sisa organik domestik terutama bagi kawasan kediaman bertingkat tinggi terpilih.

"Pemberian insentif ini termasuk sama ada wang tunai atau kemudahan-kemudahan atas lain seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kecekapan pengurusan sisa buangan organik di Pulau Pinang," katanya pada Majlis Perasmian Bengkel Penang's Output-based Payment Programme di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Ang Aing Thye.

Jelas Kon Yeow, melalui projek perintis terbabit, Bank Dunia dan CCAC memperuntukkan sejumlah AS\$70,000 setahun bagi penyediaan mesin pemprosesan sisa buangan, bio-regen oleh syarikat Bio-Regen Photonics Sdn. Bhd. yang bernilai RM18,000 setiap satu yang mana mesin tersebut turut dilengkapi dengan tong-tong simpanan yang mampu menampung sehingga 28 hari sisa buangan organik.

Mengulas lanjut, beliau difahamkan bahawa teknologi pemprosesan sisa organik berkenaan telah digunakan di Australia dan beberapa buah negara Eropah khususnya di ladang-ladang ternakan dan sektor pertanian.

Tambahnya, hasil dari projek berkenaan akan dijadikan panduan dalam menyediakan



CHOW Kon Yeow (kanan) ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian Bengkel Penang's Output-based Payment Programme di sini baru-baru ini.

dasar, teknologi dan penyertaan sektor swasta dalam usaha mengurangkan pembuangan sampah dan sisa organik domestik ke tapak pelupusan sampah.

Kon Yeow dalam pada itu turut mengambil contoh hasil kejayaan Kerajaan Negeri dalam pengurusan sisa hijau di tapak pelupusan sampah Ampang Jajar (stesen pemindah) dan Jelutong serta skim galakan melalui pendekatan *segregation at source* (pengasingan dari sumber) di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Walau apa jua pendekatan yang diambil, tujuan asal kita adalah untuk mengurangkan sampah yang dihantar ke tapak pelupusan sampah kerana hampir 80 peratus sampah yang dibuang sebenarnya masih boleh dimanfaatkan.

"Pengurangan sampah di tapak pelupusan sampah juga mampu memanjangkan jangka hayat penggunaan tapak pelupusan sehingga 50 peratus berbanding sebelumnya serta mengurangkan sisa karbon," ujarnya.

Selain itu, beliau memberitahu, proses penguraian sisa organik yang ditanam terus di tapak pelupusan sampah akan menghasilkan gas metana.

"Gas tersebut sememangnya boleh digunakan namun kehadirannya yang sedikit menyukarkan proses pengumpulan selain kosnya yang tinggi."

"Dalam jangka panjang, jika dibiarkan bebas, gas tersebut mampu menyebabkan pencemaran dan kesan rumah hijau," tegas Kon Yeow.

Tiga kes mati akibat denggi sejak awal tahun ini

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Exco Pertanian Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin meminta seluruh warga Pulau Pinang supaya terus mengambil langkah pencegahan wabak denggi memandangkan tiga kematian telahpun direkodkan pada tahun ini berbanding satu kes dalam tempoh sama pada tahun lalu.

"Saya ingin mengingatkan masyarakat supaya terus mengambil langkah pencegahan," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dalam kenyataannya di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, sebanyak 835 kes denggi direkodkan sejak bukan Januari hingga 14 Jun lepas,

berbanding 531 kes dalam tempoh sama pada tahun lepas.

Angkaitu, katanya, menunjukkan peningkatan 174.7 peratus.

Menurut Afif, empat lokasi di kenalpasti sebagai kawasan wabak terkawal di sini adalah Jalan C. Y. Choy, Lorong Kulit dan Panggupuri Harmoni Jalan Kennedy, serta Taman Seri Impian dekat Daerah Seberang Perai Tengah.

Dalam perkembangan sama, beliau turut menasihatkan warga Pulau Pinang supaya menggunakan *repellent* atau baju/ seluar panjang semasa menjalankan aktiviti luar, melakukan semburan aerosol di dalam rumah atau memasang skrin pada tingkap demi mengurangkan risiko digigit nyamuk aedes.

Durian sinonim dengan penduduk P. Pinang - KM

PARTI RAJA BUAH...

Parti Durian bersama Ketua Menteri anjur Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Bendera yang ang berlangsung di Dewan JKKK Bukit Bendera baru-baru ini berjaya menarik kehadiran kira-kira 200 penduduk kawasan sekitar di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, penganjuran parti durian tersebut memberi peluang kepada orang ramai untuk menikmati kemeriahannya setiap kali tiba musim durian di Pulau Pinang.

"Durian cukup sinonim dengan penduduk



PARA Pekerja Am Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang turut hadir memeriahkan Parti Durian bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Pulau Pinang dan ia merupakan makanan yang istimewa yang perlu dicuba," katanya yang turut mengucapkan terima kasih kepada JKKK Bukit Bendera di atas kejayaan penganjuran 'parti' berkenaan.

TUTM manfaat petani, penternak & nelayan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA – Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) baru dilancarkan serentak dengan majlis perasmian pembukaan Agrofest Pulau Pinang 2014, yang disempurnakan Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dalam ucapannya berharap, skim mikrokredit yang menawarkan pinjaman maksimum hingga RM5,000 tersebut dapat memberi manfaat kepada kaum tani, peladang, penternak dan nelayan.

“Kerajaan Negeri percaya program ini (TUTM) dapat memberi galakan kepada para pengusaha, terutamanya golongan muda untuk meningkatkan pendapatan mereka,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon turut berucap pada majlis tersebut, mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan isteri, Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan isteri, Datuk Abu Jamal Nordin (Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)) dan isteri turut hadir pada majlis tersebut.

Agrofest dulu dikenali sebagai Hari Peladang, Penternak, Nelayan dan Karnival Koperasi, yang dianjurkan tiap-tiap tahun oleh Kerajaan Negeri.

Manakala, TUTM yang baru dilancarkan tersebut adalah selepas Kerajaan Negeri memperkenalkan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) khas kepada golongan usahawan di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebelum ini.

Direkodkan, jumlah pengeluaran tahunan 2013 bagi produk pertanian seperti padi, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman ladang dan

rempah ratus adalah sebanyak 1,829,077 tan dengan nilai pengeluaran menghampiri RM673,182,241.

Dr. Afif menjelaskan, pendaratan ikan turut meningkat sebanyak 58,200.71 tan pada tahun lepas (2013) berbanding 52,485.41 tan (2012).

“Matlamat untuk mencapai *food security* bagi negeri Pulau Pinang bukanlah sesuatu yang mustahil.

“Atas kesedaran ini, Kerajaan Negeri telah memulakan beberapa inisiatif projek melibatkan sektor pertanian seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Juru dan Zon Industri Akuakultur di Penaga,” ujar Afif.

Tambah beliau, pihaknya turut merancang memajukan satu lagi projek untuk tujuan penternakan dan agropelancongan di atas sebidang tanah milik Kerajaan Negeri dekat Ara Kuda, Seberang Perai Utara (SPU).

Dalam pada itu, Mohamad Rezwan Mazlan, 32, yang memenangi Anugerah Kategori Ruminan Besar (ternak lembu).



MOHAMAD REZWAN MAZLAN menunjukkan sijil pengiktirafan yang dimenangi.



R A H E M N Y ADDUL RAHIM.

“Alhamdulillah, saya terpilih kali ini.

“Sekarang ada lebih kurang 150 ekor lembu, mungkin saya pun akan pertimbang untuk mohon skim mikrokredit ini (TUTM), sebab saya tidak pernah mendapat mana-mana skim bantuan pinjaman sebelum ini,” ujarnya yang mengurus kandang lembu dekat Lorong Kulit berhampiran Stadium Bandaraya, George Town.

Bagi Rahemy Addul Rahim, 35, yang memenangi Anugerah Kategori Usahawan Tani Muda turut menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri memperkenalkan TUTM.

“Saya pun ada cadangan juga untuk memohon skim ini. Anugerah ini memanglah memberi galakan kepada kami untuk memajukan bidang pertanian ini untuk keluarga kami,” ujar beliau kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Pelawa organisasi pakar jadi penasihat PIP negeri

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow mempelawa mana-mana organisasi berkepakaran dalam bidang pengangkutan dan prasarana untuk menjadi penasihat dalam merangka Indeks Pembangunan Pulau Pinang (PIP) bagi tempoh 2015 hingga 2030 sebagai jaminan mewujudkan sistem pengangkutan serta trafik yang lebih efisien di negeri ini.

Melalui Jawatankuasa Pelaksanaan Pengangkutan Pulau Pinang (PTP), badan berkenaan yang diketuai Kon Yeow akan meminta pembida-pembida mengkaji PIP di kemukakan bagi mendapatkan satu solusi terbaik dalam melaksanakan projek mega bernilai RM27 bilion (anggaran awal) merangkumi aspek pejalan kaki, kenderaan, jalanraya dan pengangkutan awam.

“Melalui PTP, kita (Kerajaan Negeri) akan melantik sebuah konsultan bertindak sebagai *Projek Delivery Partner* (PDP) yang bakal memperhalusi sebaik mungkin pelaksanaan PIP merangkumi pelan, pelaksanaan, bajet, sumber kewangan, selenggara dan semua aspek yang dilihat perlu.

“Ini adalah bagi menjamin kejayaan projek ini dengan memberi implikasi



CHOW Kon Yeow menunjukkan draf PIP yang bakal dibangunkan pada sidang media di sini baru-baru ini.

positif kepada seluruh rakyat Pulau Pinang.

“Perkara ini dilihat sebagai sebuah projek yang perlu diberi keutamaan memandangkan aliran trafik, pertambahan kenderaan dan kemasukan pelancong tempatan ke negeri ini berada pada kadar yang tinggi ketika ini,” ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, antara pelaksanaan yang terkandung dalam PIP adalah merangkumi pelebaran lebuhraya sedia ada, Transit Aliran Ringan (LRT)/Transit Aliran Sederhana (MRT), tram, bas bersepada, laluan motosikal dan pejalan kaki, laluan basikal termasuk perkhidmatan jaringan feri yang lebih luas dan efisien.

“Buat masa ini, hanya sebahagian daripada projek ini dilihat bergerak iaitu

membabitkan pembinaan terowong bawah tanah menghubungkan George Town ke Bagan, Seberang Perai Utara (SPU) dan beberapa jalan pintas di dalam pulau (peringkat kajian kesan alam sekitar).

“Syarikat pembida bakal dilantik sebagai PDP adalah perlu mempunyai latar belakang baik dari segi pengalaman melaksanakan projek mega, selain kedudukan kewangan yang kukuh,” jelasnya.

Kon Yeow memberitahu, bagi melaksanakan projek besar itu, adalah mustahil untuk meletakkan bebanan tersebut kepada Kerajaan Negeri semata-mata memandangkan ia memerlukan sejumlah kepakaran yang terbaik dari segenap aspek.

“Bagi organisasi yang berminat, mereka (pihak-pihak berkenaan) dipelawa datang ke Bahagian Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Tingkat 56, Komtar bagi mendapatkan maklumat serta salinan pelan awal yang dibuat oleh PTP untuk ditambahbaik sebelum mengemukakan satu laporan baru bermula Ogos ini (akan dimaklumkan lagi).

“Setelah mendapatkan dokumen terbabit, para pembida akan diberi tempoh selama tiga bulan untuk mengemukakan satu laporan lengkap mengenai pelan masing-masing sebelum dipilih Kerajaan Negeri dan komisen akan dibayar kepada pembida yang berjaya (anggaran enam peratus nilai projek),” jelas Kon Yeow.

TABUNG USAHAWAN TANI MUDA (TUTM)

Tujuan penubuhan tabung adalah untuk memberi bantuan pinjaman maksimum RM5,000 kepada usahawan tani muda dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan.

Kerajaan Negeri berkeyakinan program tersebut dapat memberikan galakan kepada para pengusaha terutamanya golongan muda dan belia berumur 40 tahun ke bawah untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan.

Syarat kelayakan :-

- Warga Malaysia berumur 40 tahun ke bawah;
- Tinggal menetap dan mengusahakan projek di Pulau Pinang;
- Merupakan usahawan tani sepenuh masa;
- Mempunyai pengalaman mengusahakan perniagaan berdasarkan industri asas tani sekurang-kurangnya satu (1) tahun.

Sesiapa yang berminat boleh mendapatkan borang permohonan dari Jabatan Pertanian, Veterinar dan Perikanan seperti di alamat berikut :-

Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang

Jalan Kulim, Cherok Tok Kun, 14000
Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Tel : 04 – 537 2142

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Negeri Pulau Pinang,
Bukit Tengah, 10150 Pulau Pinang.
Tel : 04 – 508 4368

Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang

Jalan Akuarium, 11700
Gelugor, Pulau Pinang.
Tel : 04 – 657 2777

Harap maklum tarikh tutup permohonan adalah **14 Julai 2014**.

England juara *Mini World Cup Dr. Afif*



AHLI-ahli pasukan England menjulang piala kemenangan sambil diperhatikan Dr. Afif Bahardin (belakang, kanan sekali) pada penganjuran *Mini World Cup 2014*. Dr. Afif di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SEBERANG JAYA – Kejohanan futsal, *Mini World Cup 2014* Dr. Afif menyaksikan pasukan anak muda yang menggunakan nama jolokan negara England muncul juara apabila berjaya menewaskan pasukan (dengan nama jolokan) Republik Korea pada pusingan final di sini baru-baru ini.

Pada perlawanan akhir berkenaan, England berjaya menewaskan Republik Korea dengan 5-4 melalui sepakan penalti.

Ekoran itu, selain medal, England berjaya membawa pulang wang tunai bernilai RM2,000, Republik Korea

(RM1,500) dan Switzerland yang berjaya di tempat ketiga (RM500).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin semasa majlis penyampaian hadiah berkata, penganjuran kejohanan tersebut adalah untuk meraikan kejohanan Piala Dunia Brazil 2014.

“Serentak itu, ia adalah untuk menarik minat anak muda mengamalkan gaya hidup sihat di samping memamerkan bakat yang masing-masing terpendam,” ujarnya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

Turut hadir, Pengurus Besar Pasaraya Sunway Carnival, Chow

Heng Wah dan Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ahmad Tarmizi Abdullah dan Abdul Jalil Che Ros.

Menurut Heng Wah, pihaknya amat berbesar hati menaja lokasi perlawanan yang berjaya mengumpulkan anak-anak muda untuk berentap dalam kejohanan berkenaan.

“Melihat kepada penyertaan ini, saya amat berbesar hati untuk menjalankan lebih banyak lagi program berorientasikan komuniti setempat kelak.

“Ini termasuk menjadikan acara ini sebagai program tahunan yang mana turut membabitkan kerjasama dengan ADUN-ADUN lain,” jelas beliau.

Kitar semula komputer terpakai elak penyakit

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

AIR ITAM – Logam-logam berat seperti merkuri, arsenic dan toksik yang terkandung dalam komputer terpakai serta alat-alat elektronik mampu mengancam kesihatan sejagat sekiranya ia tidak diuruskan dengan betul dan bocor di persekitaran.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada Majlis perasmian Karnival Kitar Semula Komputer Ke-10 di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, bahan-bahan kimia yang bocor dan kemudian bebas ke

ruang udara mampu membuatkan manusia menghidap penyakit kronik seperti kanser dan kegagalan fungsi organ.

“Justeru, barang-barang tersebut perlu diuruskan dengan betul dan sistematik,” ujar beliau.

Bersempena penganjuran tersebut, orang ramai boleh membawa komputer terpakai masing-masing ke karnival berkenaan bagi melayakkan mereka menyertai acara cabutan bertuah.

Antara hadiah menarik yang ditawarkan adalah komputer dan pencetak, syiling emas bernilai RM2,000. Turut diadakan adalah pertandingan rekaicia barang terbuang.



CHOW Kon Yeow (tiga dari kanan) menimbang salah sebuah komputer terpakai yang dihantar untuk dikitar semula pada Karnival Kitar Semula Komputer Kali Ke-10 di sini baru-baru ini.

Kucing comel curi tumpuan Agrofest 2014



ANTARA kucing-kucing yang menyertai Pertandingan Kucing sempena penganjuran Agrofest Pulau Pinang 2014 di sini baru-baru ini



COMELO... Penganjuran Agrofest Pulau Pinang 2014 baru-baru ini dimeriahkan dengan Pertandingan Kucing yang diadakan bersempena Kempen Kebajikan Haiwan Kesayangan anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri di sini.

Antara kategori yang dipertandingkan adalah Rumah Kucing Cantik, Kucing Berbulu Pendek Tercantik, Kucing Berbulu Panjang Tercantik, Fesyen Kucing Tercantik dan Kategori Khas.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin turut hadir bersama isteri untuk melihat sendiri 100 ekor kucing-kucing yang dipamerkan dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang bagi setiap kategori pertandingan.

Pemenang bagi setiap kategori membawa pulang sijil penyertaan dan hadiah berupa aksesori dan makanan kucing yang ditaja khas syarikat Eureka, Best in Show dan Maxima Foods Marketing.

Bayar balik TP1M Taman Pinang jika Pusat ikhlas – Exco

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BAGAN JERMAL – Putrajaya disyorkan membayar balik 90 peratus daripada kos keseluruhan pembaikan bumbung Perumahan Taman Pinang kepada Kerajaan Negeri, memandangkan projek permohonan sama turut diluluskan pelaksanaannya di bawah Tabung Perumahan 1Malaysia (TP1M) bagi tahun 2014 baru-baru ini.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, permohonan Perbadanan Pengurusan Taman Pinang yang diluluskan lebih awal sebelum ini sebenarnya selepas Kerajaan Negeri mengambil kira kepentingan serta keselamatan penduduk rumah kos rendah swasta terbabit.

Jelasnya lagi, kelulusan tersebut atas dasar 20:80, iaitu RM31,000 disumbangkan oleh Perbadanan Pengurusan Taman Pinang dan baki RM124,000 lagi dibiayai Kerajaan Negeri.

“Kalau ikhlas, Kerajaan Pusat mesti bayar balik 90 peratus (dari keseluruhan kos RM155,000) seperti dijanjikan dalam TP1M supaya Kerajaan Negeri turut boleh memulangkan semula RM31,000 yang disumbangkan badan pengurusan penduduk Taman Pinang terbabit sebelum ini,” ujarnya selepas majlis penyerahan balik kunci rumah pasca baik pulih rumah kos rendah Blok 5 Mak Mandin 1 di sini baru-baru ini.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu, syornya itu turut dipanjangkan oleh Penolong Pegawai Kewangan Negeri, Hashimah Mohamed Hashim dalam satu surat rasmi kepada Pejabat Pembangunan Persekutuan (ICU) Pulau Pinang pada 9 Jun lepas.

Tambah Jagdeep, pihaknya tidak wajar dipersalahkan berhubung perkara berbangkit tersebut, memandangkan Kerajaan Negeri sendiri tidak pernah dijemput berunding dalam

proses pemilihan projek bantuan di bawah TP1M yang diperkenalkan pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, sejak bulan Januari 2010 lagi.

Di bawah TP1M, difahamkan, Kerajaan Pusat menanggung 90 hingga 70 peratus, manakala, 10 peratus hingga 30 peratus baki ditanggung oleh badan pengurusan bersama (JMB) atau persatuan penduduk (PP).

Sehingga kini, direkodkan sebanyak 116 permohonan TP1M telahpun lengkap dihantar dari Pulau Pinang, manakala, hanya tiga projek diluluskan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dekat Putrajaya, iaitu Taman Sungai Batu, Taman Haji Mohd. Amin, dan terbaru Perumahan Sungai Pinang.

Bagaimanapun, ICU JPM dalam satu suratnya bertarikh 9 April lepas memberitahu bahawa 40 permohonan dari Pulau Pinang sedang dipertimbangkan untuk diluluskan.

“Senarai 40 permohonan tersebut



JAGDEEP Singh Deo.

sedang dipertimbang untuk diluluskan, dan belum diluluskan lagi sebenarnya. Kerajaan Negeri sendiri tidak dirunding dalam pemilihan projek perumahan yang layak dipertimbang bantuan TP1M ini sebenarnya,” tegas Jagdeep sambil berharap Putrajaya tidak terus menganaktirikan kepentingan rakyat di negeri ini.

Konsert amal bantu dua rumah kebajikan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – The Jammin' Senzation Conservatory of Performing Arts & Music (Jammin' Senzation) kembali lagi buat tahun ke-tujuh dalam pengajuran konsert amal bagi mendapatkan dana tambahan untuk rumah-rumah kebajikan di Pulau Pinang.

Konsert yang akan berlangsung pada 12 Julai ini di Dewan Sri Pinang di sini mensasarkan kutipan dana tambahan bagi dua rumah kebajikan iaitu Rumah Shalom dan Persatuan Kanak-kanak Cerebral Palsy (Spastik) Pulau Pinang.


Bertemakan 'ELEMENTS – Nature Music', konsert tersebut bakal menampilkan beberapa barisan artis tempatan dan luar negara antaranya, penyanyi opera dari Melbourne, Australia, Melanie Maslin, kumpulan jaz, John Dip Silas City Trio, dan LKA Connection, Penang Dhol Blasters serta penyanyi versatil, Mary Jackson, Renaldo Scully dan Lezil Hendricks.

Selain itu, Jammin' Senzation dan Fresh Beat Dance Academy juga bakal menjayakan konsert amal berkenaan.

Pengarah merangkap Pengetua Jammin' Senzation, Jasmin Khor berkata, objektif utama konsert tersebut adalah bagi mengumpul dana tambahan bagi dua buah rumah kebajikan terpilih.

Sejak 2008, jelasnya, Jammin' Senzation telah membantu mengumpul dana bagi beberapa buah rumah kebajikan antaranya, Persatuan Sindrom Down Pulau Pinang, Persatuan Kanser Kebangsaan, Rumah St. Nicholas, Rumah Shammah, Persatuan Perlindungan Kanak-kanak Malaysia, Rumah Kanak-kanak Shan dan Bold Association for Children with Special Needs.

“Kami mensasarkan jumlah kutipan yang memberangsangkan memandangkan 100 peratus daripada hasil jualan tiket dan sumbangan akan disalurkan terus kepada kedua-dua rumah



POSTER promosi konsert amal, ELEMENTS – Nature Music 2014.

kebajikan terpilih berkenaan,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut serta, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Setiausaha Agung Spastik, Ong Siew Guat dan wakil Rumah Shalom, Charles Tan.

Tiket boleh didapati menerusi pejabat Jammin' Senzation di 4-M Jalan Masjid Negeri, 11600 Green Lane atau di pejabat cawangan No. 1 Jalan Desiran Tanjung 5, 10470 Tanjung Tokong atau hubungi talian 012 - 478 3966 / 012 - 430 5120 / 04 - 659 5122. Tiket dijual pada harga RM30, RM50 dan RM100.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman Facebook Page, Jammin' Senzation.

PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG (SSI)

PERMINTAAN UNTUK CADANGAN

Tawaran ini dibuka kepada Pembida yang terdiri daripada syarikat tempatan untuk menyertai **Permintaan untuk Cadangan (Request For Proposal - RFP)** seperti berikut:-

TAJUK

CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AGRO - PELANCONGAN PULAU PINANG DI ATAS TANAH SSI DI LOT 311 DAN 498, MUKIM 19, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG, MALAYSIA

TARIKH DIBUKA : 15 MEI 2014

TARIKH DITUTUP : 15 OGOD 2014

Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di <http://www.penang.gov.my/> mulai **15 Mei 2014**.

Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **Cadangan Pembangunan Dan Pengurusan Agro – Pelancongan Pulau Pinang Di Atas Tanah SSI Di Lot 311 Dan 498, Mukim 19, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, Malaysia**. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum **12.00 tengah hari** pada **15 Ogos 2014** kepada :

Sekretariat,
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI), Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia.

Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi.

ADUN syor PBT timbang usul infrastruktur komprehensif

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

PULAU TIKUS - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey baru-baru ini mengemukakan cadangan supaya pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil kira beberapa prinsip komprehensif pembangunan infrastruktur dalam penyediaan Bajet 2015.

"Bukan sahaja hanya memberi tumpuan terhadap penyediaan kemudahan-kemudahan awam, PBT juga wajar memahami kehendak orang awam dan merancang pembangunan infrastruktur yang berkesan ke arah sebuah negeri paling sesuai didiami."

"Berkesan bermakna kemudahan yang akan

dibangunkan perlu menumpukan kepada kehendak orang awam (*people-centric*) termasuk mengambil kira sumber jana ekonomi sesebuah komuniti dalam sesebuah kawasan," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Tegasnya, PBT tidak kira sama ada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mahupun Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) perlu melaksanakan proses perundingan telus dengan rakyat, organisasi tempatan dan sektor swasta dalam mencapai kata sepakat untuk pembangunan setempat.

"Penglibatan PBT dalam melaksanakan pembangunan mampan di peringkat tempatan adalah penting terutama dalam mewujudkan persekitaran yang



YAP Soo Huey (kiri) mendapatkan naskah surat khabar daripada salah seorang peniaga selepas selesai majlis sidang media di sini baru-baru ini.

selesa, selamat dan harmoni.

"Ini termasuk melaksanakan pendekatan menyeluruh pelan tindakan LA21 (*Local Agenda 21*) dalam projek-projek pembangunan komuniti," jelasnya.

Soo Huey yang mengambil contoh kawasan di Pulau Tikus, mencadangkan supaya PBT mempertimbangkan tiga usul pembangunan infrastruktur.

"Pertama, menyediakan kawasan pemunggahan sesuai dan lengkap dengan fasiliti untuk membolehkan para peniaga di pasar-pasar awam memunggah muatan.

"Ini kerana, para peniaga kini terpaksa menghentikan lori muatan di bahu-bahu jalan yang

adakalanya menyekat laluan sehingga menyebabkan kesesakan lalulintas," tegasnya yang turut mencadangkan supaya menyediakan ruang khas bagi menurunkan penumpang atau pengunjung berdekatan pasar-pasar awam di sini.

Kedua, Soo Huey menyeru MPPP supaya lebih prihatin terhadap kemudahan untuk golongan kurang upaya (OKU) termasuk di pasar-pasar awam, laluan pejalan kaki, taman-taman mahupun lintasan pejalan kaki.

"Sungguhpun lintasan pejalan kaki ada di pekan Pulau Tikus, tetapi jaraknya jauh dari kemudahan-kemudahan asas seperti kedai dan pasar basah.

"Keadaan ini bukan sahaja menyukarkan golongan OKU untuk bergerak, tetapi juga wanita dan kanak-kanak yang ingin ke pasar basah atau kedai di sini," jelasnya.

Ketiga, beliau berharap agar MPPP tidak hanya mendengar 'keluhan' masyarakat ketika penyediaan bajet tahunan, sebaliknya, mengambil peduli akan aduan masyarakat setempat dari masa ke masa.

"Semua usul-usul ini telahpun dikemukakan kepada MPPP dan saya amat berterima kasih kepada MPPP kerana buat julung kalinya, suara ADUN turut didengar dalam penyediaan Bajet 2015," kata beliau.

Masyarakat perlu cakna isu alam sekitar sejagat

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

JURU - Masyarakat umum digesa agar cakna terhadap peningkatan paras air laut dunia yang berpuncu daripada perubahan iklim dan secara tidak langsungnya memberi risiko ancaman buat pulau-pulau kecil yang wujud sebagai sebuah negeri sedang membangun.

Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2014 bertemakan

'Tinggikan Suaramu, Bukan Aras Laut', fokus tertumpu kepada pulau-pulau kecil berkaitan yang dilihat semakin terjejas akibat pemanasan global, perubahan cuaca dunia dan peningkatan aras air laut.

Pengerusi Program Warga Hijau Pulau Pinang merangkap Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik berkata, perubahan iklim merupakan cabaran utama dan isu

sejagat yang harus ditangani bersama.

"Pulau Pinang mempunyai kebanyakan ciri pulau kecil.

"Dengan berkeluasan 1,048 kilometer persegi (km²), Pulau Pinang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kawasan pulau (293 km²) dan Seberang Perai (753 km²).

"Walaupun ianya tidak terpencil, Pulau Pinang masih terdedah

kepada perubahan iklim, bencana alam sekitar dan risiko ancaman kerana dikelilingi laut," ujarnya pada Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2014 anjuran *Penang Green Council* (PGC) di sini baru-baru ini.

Menurut kajian, paras air laut akan meningkat ketara dengan anggaran daripada 0.5 meter hingga 2.3 meter abad ini. Malah, pulau-pulau kecil yang

berketinggian rendah bakal ditenggelami sekiranya gelongsor ais menjadi lebur.

Wei Aik memberitahu, pulau-pulau kecil yang sedang membangun lazimnya mempunyai kapadatan penduduk yang tinggi.

"Kepadatan penduduk secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada sumber-sumber terhad dan penggunaan berlebihan," jelas beliau.



BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG. SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

BIL	NAMA PEMAJU	LOKASI	NAMA PROJEK	JENIS PEMAJUAN	HARGA SEUNIT	HARGA SELEPAS POTONGAN 5%	BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA	PEGAWAI PERHUBUNGAN
1.	Landmark Strategy Sdn. Bhd. 75 Jalan Perai Jaya 4 Bandar Perai Jaya 13600 Perai No. Tel : 04-3800999 No. Fax : 04-3800998	Di Atas Lot PT 4550, Mukim 1, Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.	Pangsapuri Palma Laguna	Rumah Jenis A Rumah Jenis B Rumah Jenis D	RM398,500.00 – RM414,500.00 RM417,000.00 – RM429,500.00 RM522,500.00	RM378,400.00 – RM393,400.00 RM396,000.00 – RM408,000.00 RM496,000.00	3 4 1	Jass Ooi

Ucapan Perbahasan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 di Parlimen Malaysia pada 9 Jun 2014 (Bahagian 1)

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
Pengarah Eksekutif Penang Institute merangkap Ahli Parlimen Bukit Bendera



TERIMA kasih Tuan Yang Dipertua atas peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Sememangnya kebajikan guru harus diberi keutamaan sekiranya kita ingin memastikan sistem pendidikan negara dapat menghasilkan modal insan yang berpengetahuan tinggi dan berdaya saing bagi memacu pembangunan Malaysia kepada sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang akhir dekad ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan sistem pendidikan negara.

Kekeliruan mengenai PT3

Tuan Yang Dipertua,

Menurut pengumuman Menteri Pendidikan I pada bulan Mac yang lepas, peperiksaan PMR (Penilaian Menengah Rendah) akan dimansuhkan mulai tahun ini dan akan digantikan dengan PT3 (Pentaksiran Tingkatan 3). Langkah ini adalah sebahagian daripada anjakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada format Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Menteri juga menyatakan bahawa PT3 ini akan digunakan sebagai asas menentukan kemasukan murid ke tingkatan 4, termasuk di sekolah berasrama penuh (SBP), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) serta sekolah agama, teknik dan kolej vokasional.

Di bawah PT3, pelbagai instrumen akan digunakan untuk menilai prestasi murid, seperti ujian amali, ujian bertulis, kajian kes, projek dan lain-lain lagi, bergantung kepada mata pelajaran yang terlibat.

Tidak seperti PMR yang merupakan peperiksaan berpusat, PT3 akan dikendalikan oleh pihak sekolah yang bertanggungjawab untuk mentadbir, mentaksir dan memberi skor berpandukan panduan yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan. Tambahan pada itu, pentaksir luar akan dilantik oleh Lembaga Peperiksaan bagi melakukan moderasi dan verifikasi terhadap keputusan murid.

Akhir sekali, ujian psikometrik juga diuar-uarkan sebagai salah satu kaedah untuk memastikan pemilihan dan penempatan murid ke sekolah-sekolah tersebut.

Jelas, sistem PT3 ini adalah perubahan yang ketara berbanding dengan peperiksaan PMR yang terdahulu. Namun, saya ingin bertanya sama ada pelaksanaan PT3 ini sudah pun dikaji dan difikirkan secara masak-masak?

Ini kerana saya mendapat makluman daripada pelbagai pihak, khususnya guru dan pentadbir sekolah, bahawa sehingga sekarang masih terdapat banyak kekeliruan mengenai PT3 yang bakal dilaksanakan tahun ini.

Sebagai contoh, format muktamad PT3 ini belum lagi dimaklumkan oleh Lemba-ga Peperiksaan kepada pihak sekolah dan tenaga pengajar. Guru-guru tingkatan 3 di seluruh Malaysia juga masih belum diberi taklimat penuh. Sesetengah sekolah pula tidak dapat membuat persiapan bagi kemasukan murid tingkatan 4 pada tahun depan, akibat tidak memahami proses and prosedur sistem penilaian baru ini.

Tambahan pula, saya juga difahamkan bahawa buku-buku teks baru pun belum disiapkan lagi kerana penyemakan semula sukanan pelajaran baru gagal dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua,

Kini, sesi sekolah akan memasuki separuh tahun kedua. Namun, para murid dan guru tingkatan 3 di serata negara masih berada dalam kegelapan mengenai PT3 ini. Dengan hanya beberapa bulan lagi yang tinggal, bagaimanakah kita boleh memastikan murid akan bersedia untuk menghadapi pentaksiran baru pada akhir tahun ini? Pada masa yang sama, adakah guru dan juga pentadbir sekolah bersedia untuk melaksanakan sistem baru yang belum lagi difahami mereka? Bagaimanakah pula dengan persiapan sekolah-sekolah dalam kemasukan murid tingkatan 4 tahun depan?

Nampaknya, seluruh batch atau kelompok murid tingkatan 3 tahun ini bakal dikorbankan dek kerana pelaksanaan PT3 yang sungguh mengelirukan dan mengecewakan ini. Persoalannya, siapakah yang bertanggungjawab dan apakah tindakan Kementerian untuk menangani masalah ini dengan segera?

Buku teks digital

Tuan Yang Dipertua,

Sistem pendidikan negara kita sedang mengalami pelbagai perubahan. Selain daripada peralihan daripada peperiksaan berpusat kepada sistem PBS, buku teks digital juga telah diperkenalkan pada awal tahun ini oleh Menteri Pendidikan II.

Menurut laporan media, penggunaan buku teks digital yang mengandungi teks grafik serta ciri flip akan dilaksanakan secara berperingkat di semua sekolah di seluruh negara mulai tahun ini.

Inisiatif baru ini yang ditawarkan sebagai alternatif kepada buku teks fizikal adalah sebahagian daripada projek infrastruktur ICT mega yang dianugerahkan kepada syarikat YTL. Antara projek-projek Kementerian yang sedang dilaksanakan oleh YTL adalah pemasangan jalur lebar 4G di kesemua 10,000 sekolah di bawah program 1BestariNet, penyediaan Pelantar Pembelajaran Maya (VLE) yang merangkumi



ZAIRIL Khir Johari (kanan sekali) bergambar kenangan dengan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim (dua dari kanan) di lobi Dewan Rakyat, Kuala Lumpur baru-baru ini.

buku teks digital ini serta pembekalan komputer riba Chromebook kepada sekolah-sekolah.

Di sini, saya ingin menimbulkan beberapa persoalan mengenai pelaksanaan projek-projek tersebut. Pertama sekali, pendekatan yang digunakan adalah "one size fits all" ataupun "satu saiz untuk semua." Ini merupakan pendekatan yang tidak intuitif dan langsung tidak mengambil kira faktor-faktor serta perbezaan keadaan setempat yang sangat ketara antara satu kawasan dengan kawasan lain.

Sebagai contoh, cuba bandingkan sebuah sekolah di kawasan pedalaman Malaysia Timur dengan sekolah bandar seperti Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara? Perbezaannya bukan sekadar dari segi infrastruktur, kualiti fakulti, penglibatan ibu bapa, malah juga dari segi latar belakang sosio-ekonomi murid serta kemahiran mereka dalam menggunakan kemudahan ICT.

Pada hemat saya, penggunaan VLE atau buku teks digital tidak akan mengurangkan kesenjangan antara murid bandar dan luar bandar. Malah, ia mungkin akan meluaskan lagi jurang tersebut. Ini kerana kemudahan ICT sudah tentu akan dimanfaatkan dengan lebih mendalam oleh guru dan murid di kawasan bandar yang lebih mahir dan biasa dengan peranti-peranti tersebut.

Hakikat ini juga diakui oleh laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), yang menyatakan bahawa pelaburan sebanyak RM6 bilion dalam prasarana ICT sejak tahun 1999 hingga 2010 tidak menampakkan hasil yang baik dari segi kualiti pembelajaran dan prestasi.

Walaupun perbelanjaan ICT dalam bidang pendidikan adalah tinggi, sebuah kajian oleh Kementerian pada tahun 2010 telah mendapati bahawa penggunaan ICT dalam kalangan guru dan murid adalah sangat terhad. Menurut laporan tersebut, kebanyakan guru (kurang lebih 80 peratus) hanya menggunakan ICT sebanyak satu jam seminggu, manakala laporan UNESCO pada tahun 2012 mendedahkan bahawa tidak ada bukti yang menunjukkan penggunaan ICT berjaya menyemai daya kreativiti, penyelesaian masalah, pemikiran kritis atau kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid.

Salah satu sebab yang menjelaskan kegagalan infrastruktur ICT untuk meningkatkan kualiti pembelajaran adalah kekurangan latihan dan

perkhidmatan sokongan kepada para guru. Justeru, prasarana canggih seperti makmal komputer dan makmal sains hanya boleh dimanfaatkan sepenuhnya sekiranya guru dan murid fasih dan berminat dengan kemudahan tersebut. Sekiranya tidak, ia akan menjadi pembaziran besar semata-mata, seperti mana pelaburan RM2.6 bilion dalam perkakasan PPSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sain dan Matematik dalam Bahasa Inggeris).

Oleh itu, walaupun saya percaya bahawa penggunaan teknologi baru seperti VLE dan buku teks digital adalah pembaharuan yang dapat memperkayakan pengalaman pendidikan murid dan guru di negara kita, ia hanya boleh berjaya sekiranya sekolah dan guru kita bersedia untuk melaksanakannya dengan betul.

Pendapat ini adalah selaras dengan laporan antarabangsa seperti badan pemantau pendidikan Ofsted (Office for Standards in Education, Children's Services and Skills) di United Kingdom. Menurut hasil kajian mereka, sistem pembelajaran maya tidak semestinya meningkatkan prestasi murid. Sebaliknya, keberhasilannya adalah sangat bergantung kepada sikap dan kemahiran guru yang mengajar. Di mana guru terlatih dan bersikap terbuka untuk mengubah kaedah pengajaran mereka, maka barulah peningkatan dapat dicapai.

Oleh itu, kita berbalik kepada persoalan kebolehupayaan guru yang berkhidmat dalam sekolah-sekolah kita. Adakah mereka benar-benar berupaya untuk memanfaatkan sistem yang canggih ini? Dan sekiranya tidak, adakah semua projek ICT oleh YTL ini akan menjadi gajah putih dan pembaziran yang besar? Kegagalan program PPSMI yang menelan belanja sebanyak RM3.2 bilion harus dijadikan sebagai peringatan.

Pada masa yang sama, saya tidak mengatakan bahawa sekolah luar bandar tidak harus diberi perhatian dan pelaburan yang sama. Sebaliknya, saya percaya bahawa keperluan setiap kawasan adalah berlainan, dan Kementerian harus memberi tumpuan yang berbeza untuk memenuhi keperluan murid setempat.

Sebagai contoh, laporan PPPM juga mendedahkan bahawa setakat 2011, kurang lebih 300 sekolah masih tidak mempunyai bekalan elektrik 24 jam, sementara 1,500 sekolah tidak dilengkapkan dengan kemudahan air bersih. Dari segi prasarana ICT dan sains pula, lebih kurang 2,700 sekolah tidak mempunyai makmal komputer manakala 2,000 sekolah tidak mempunyai makmal sains yang beroperasi penuh.

Sedangkan masalah infrastruktur asas masih belum ditangani, bagaimanakah mungkin sistem canggih seperti jalur lebar 4G dan buku teks digital dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya? Tidakkah patut lebih perhatian diberikan kepada usaha menyempurnakan prasarana asas terdahulu sebelum beranjak kepada sistem canggih terbaru?

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 399 6689
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyew@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Cassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapree adunan.dunsbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbkttengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungainpinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalanan drjayabalanan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PAS PENANG HQ	(T) 04 - 575 5584
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Ridwan Osman ridwan_wan48@yahoo.com	013-499 5068
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolsan2006@gmail.com	013-580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad hadiputra78@yahoo.com	019-437 2887
PERMATANG BERANGAN Arshad Md. Salleh arshad.salleh@yahoo.com	019-510 2633
SUNGAI DUA Zahadi Mohd. zahadi55@yahoo.com	019-507 3828
TELOK AIR TAWAR Norhayati Jaafar yatie/119@yahoo.com.my	019-433 7119
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin azmikeadilan@gmail.com	012-594 1515
BAYAN LEPAS Jamaludin Said udinmd@gmail.com	019-413 0799
PULAU BETONG Hj. Mohd Tuah Ismail tuahismail@yahoo.com	019-570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hsh@gmail.com	017-460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS & AMBULANS	999	JPJ	04-656 4131
BOMBA	994	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103		04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
PENYELAMAT	991		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893		
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957		
NEGERI			
KASTAM	04-262 2300		
IMIGRESEN	04-250 3419		
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342		
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340		
EPF	04-226 1000		
SOCSCO	04-238 9888		

PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
CAP	04-829 9511
BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108
	04-229 8555

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1 Penaga : 011-1060 8823	- Shukri	Bungah : 011 - 12441069	- Hezreen
N2 Bertam : 019 - 593 3736	- Fatimah	N23 Air Putih : 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N3 Pinang : 017 - 424 9371	- Tasrin	N24 Kebun Bunga : 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N4 Permatang Berangan : 019 - 556 4664	- R.M. Reza	N25 Pulau Tikus : 017 - 956 3237	- Quah
N5 Sungai Dua : 013 - 595 6865	- Rosli Man	N26 Padang Kota : 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N6 Telok Air Tawar : 013 - 598 1435	- Raudzey Razali	N27 Pengkalan Kota : 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
N7 Sungai Puyu : 012 - 480 5495	- Mr.Lee	N28 KOMTAR : 012 - 423 3227	- Benji Ang
N8 Bagan Jermal : 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29 Datok Keramat : 017 - 480 7417	- Varinder Kalvinder
N9 Bagan Dalam : 016 - 473 1963	- Gesan	N30 Sungai Pinang : 04 - 282 6630	- Shuen
N10 Seberang Jaya : 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N31 Batu Lancang : 04 - 282 6419	- Karuna
N11 Permatang Pasir : 019 - 412 8442	- Kamal	N32 Seri Delima : 019 - 4474362	- Mahen James
N12 Penanti : 04 - 538 2871	- Rosli	N33 Air Itam : 012 - 5242549	- Anne Janet
N13 Berapit : 04 - 538 3871	- Tira	N34 Paya Terubong : 012 - 4730736	- Toon Hoon Lee
N14 Machang Bubuk : 012 - 474 0964	- Mr.Lim	N35 Batu Uban : 016 - 4940705	- Frankie Kee
N15 Padang Lalang : 012 - 473 0964	- Yeoh Ee Yee	N36 Pantai Jerejak : 012 - 484 1963	- Jalal
N16 Perai : 014 - 945 9786	- Andrew Chin	N37 Maung : 016 - 480 0232	- Khairul
N17 Bukit Tengah : 04 - 399 6689	- Ikhwan	N38 Bayan Lepas : 016 - 487 8602	- Sathyia
N18 Bukit Tambun : 016 - 404 9120	- Chan	N39 Pulau Betong : 016 - 444 3550	- Aliff / Shamsudin
N19 Jawi : 017 - 378 4448	- Lai	N40 Pantai Jerejak : 04 - 646 4700	- Amirulzaman
N20 Sungai Bakap : 012 - 456 5018	- Selvi	N37 Batu Maung : 019 - 498 1096	- Danny Ho
N21 Sungai Acheh : 019 - 552 8689	- Lim Tuan Chun	N38 Bayan Lepas : 016 - 599 2918	- Saifullizan
N22 Tanjong : 012 - 465 0021	- G.Dumany	N39 Pulau Betong : 012 - 422 4935	- Zulkiflee
	- Khor	N40 Telok Bahang : 017 - 521 2441	- Jaafar Mahshar
	- Abdul Halim		
	- Mr. Khor		
	- NorJuliana		
	- Hasbullah		
	- Ariff Baseri		
	- Tina		

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2014**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
Mohd Shaipol Ismail (DAP)	012 - 552 4791
Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chandrasekeran@mpsp.gov.my	012 - 5619870
Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my	012 - 422 1133
Tan Chong Hee (DAP)	019 - 411 5598
Tan Chee Teong (DAP)	012 - 401 7718
Michael Tan Cheong Heng (DAP)	012 - 487 3101
P. David Marshel (DAP)	019 - 412 3397
H'ng Mooi Lye (DAP)	012 - 425 2602
M.Satees (DAP)	016 - 438 4767
Chong Pei Pei (DAP)	012 - 476 7729
Ong Eu Leong (PKR)	010 - 770 0508
Rezal Huzairi Md Zaki (PKR)	017 - 409 7702
Abdul Jalil Che Ros (PKR)	013 - 489 3227
Shafiqah Shobha Abdullah (PKR)	016 - 496 1659
Rajasegar a/l Govindasamy (PKR)	019 - 411 7051
Zulkifli Ibrahim (PKR)	018 - 576 1622
Zulkiefly Saad (PKR)	013 - 436 2848
Mohd Rizal Abd Hamid (PKR)	012 - 424 3878
Ho Leng Hong (PKR)	017 - 487 2767
Omar Hassan (PAS)	019 - 571 8031
Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019 - 408 4899
Wong Chee Keet (NGO)	012 - 451 1312
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) itiun@mpsp.gov.my	04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO)	013 - 414 4822

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2014**

Nama	Telefon
MPPP	04 - 259 2020
Tan Hooi Peng (DAP)	012 - 498 6212
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012 - 428 2250
Ong Ah Teong (DAP)	012 - 410 6566
Tay Leong Seng (DAP)	019 - 321 9392
Gooi Seong Kin (DAP)	016 - 457 1271
Sukumar a/l Subramaniam (DAP)	019 - 442 2113
Joseph Ng Soon Siang (DAP)	012 - 423 9143
Tan Kim Hooi (DAP)	016 - 438 7855
Lee Chun Kit (DAP)	012 - 519 2152
Mohd Harisuan Jaharudin (DAP)	013 - 379 6019
Francis a/l Joseph (PKR)	012 - 474 3321
Muhammad Sabri Md. Osman (PKR)	013 - 432 0207
Ahmad Azrilal Tahir (PKR)	012 - 498 4556
Kumaresan a/l Arumugam (PKR)	014 - 945 9621
Tan Chiew Choon (PKR)	019 - 470 4499
Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR)	019 - 470 8811
Lim Boon Beng (PKR)	012 - 564 4400
Nur Zarina Zakaria (PKR)	011 - 1578 5098
Izsuree Ibrahim (PAS)	016 - 443 3205
Mhd Nasir Yahya (PAS)	012 - 402 6739
Dr. Lim Mah Hui(NGO)	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat (NGO)	016 - 414 3428
Aidi Akhbal Mohd Zainon (NGO)	012 - 464 3004
Mohd Foaz Hamid (NGO)	016 - 422 2225

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Jun - Ogos 2014**



Jun - Ogos
Festival Durian Pulau Pinang
Anjung Indah, Balik Pulau

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:

CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

Jurugrafik:

IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "**sms blast**",
taip "**ADD ME**" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:


Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.

Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat

04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256







PARA peserta tekun mendengar taklimat Kursus Asuhan Kanak-kanak Taska Di Rumah anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).



AHLI Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong (duduk, tengah) menunjukkan kayu-kayu gaharu yang dipotong kecil dipercayai akibat aktiviti pembalakan haram.

Kesaksamaan Wanita, Kemajuan Semua

Oleh: **LAU SHU SHI,
PEGAWAI PROJEK,
PWDC**

MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menganjurkan sebuah Persidangan Pemberdayaan Pemimpin Wanita 2014 untuk julung kalinya pada 16 – 18 Mei 2014 di George Town, Pulau Pinang.

Persidangan yang bersejarah ini menemukan seramai kira-kira 50 pemimpin wanita dari 8 negeri dengan latar belakang yang berbeza berjumpa. Ketiga-tiga Exco Wanita daripada Penang, Selangor dan Kelantan iaitu YB Puan Chong Eng (juga merupakan Ketua Wanita DAP Kebangsaan), YB Puan Rodziah Ismail serta YB Puan Mumtaz Nawi telah hadir untuk memberikan sokongan penuh kepada persidangan ini.

Tema persidangan ini iaitu “Kesaksamaan Wanita, Kemajuan Semua” diadaptasi daripada tema Hari Wanita Antarabangsa 2014 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu,

Walaupun penyertaan wanita dalam pelbagai sektor menunjukkan peningkatan secara amnya, kadar peningkatan adalah amat rendah, terutamanya dalam politik. Penyertaan

wanita dalam politik bukan sesuatu yang baru. Sejak tahun 1950-an, Malaysia mempunyai wakil rakyat wanita yang dipilih dalam Parlimen, namun sejak kira-kira 20 tahun yang kepas, peratusan wakil rakyat wanita yang dipilih dalam tidak pernah melebihi 11%.

Pada hakikatnya kedudukan Malaysia dalam Jurang Indeks Gender Global yang mengukur kedudukan wanita di negara ini telah menurun daripada 72 pada tahun 2006 kepada 102 (daripada 130 negara) pada tahun 2013: meneraju Kemboja dan jauh di bawah Filipina, Singapura, Laos, Thailand, Vietnam, Indonesia dan Brunei.

Ini menunjukkan bahawa pelbagai bentuk halangan dan diskriminasi terhadap penyertaan wanita dalam politik masih berleluasa.

Persidangan ini membincangkan mengenai kesaksamaan substantif serta kepentingannya yang bukan sahaja untuk wanita tetapi juga untuk lelaki dan juga masyarakat secara keseluruhannya. Keperluan yang berbeza antara wanita dan lelaki mesti diiktiraf dan dihormati apabila keputusan dibuat di semua peringkat.

Peserta persidangan mengutarakan tiga strategi utama untuk mengukuh dan menyokong kepimpinan wanita:

1. Menubuhkan atau meningkatkan



PESERTA persidangan bersetuju bahawa kesaksamaan untuk wanita bermakna kemajuan untuk semua.



YB Chong Eng bersama dengan YB Fuziah Salleh (Ahli Parlimen Kuantan) dan YB Siti Zailah Yusof (Ketua Dewan Muslimat PAS Kebangsaan).

sistem sokongan dan mekanisme seperti penjagaan kanak-kanak, kemudahan dan subsidi serta eluan bantuan domestik, untuk

membolehkan wanita melibatkan diri dalam process membuat keputusan.

2. Meningkatkan pembangunan kapasiti wanita untuk membantu mereka menjadi pemimpin yang lebih mantap dalam masyarakat, bekerjasama dengan pemimpin lelaki dan membawa kemajuan untuk semua.

3. Pendidikan meningkatkan kesedaran gender supaya membawa kesaksamaan kepada semua.

PWDC merancang untuk meneruskan usaha-usaha ini untuk mempertingkatkan kepimpinan wanita dalam negeri Pulau Pinang dan Malaysia.

Pulau Pinang Memimpin: Menggalakkan Tadbir Urus Baik melalui “Outcome Based Budgeting” dengan Perspektif Gender

Oleh: **HENRY LOH,
GRB PROJECT MANAGER**

KERAJAAN Negeri Pulau Pinang telah mengorak langkah positif dalam integrasikan gender ke dalam proses bajet kerajaan tempatan. Bagi membantu para pegawai kerajaan tempatan dalam pengetahuan dan kemahiran, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menganjurkan satu siri Bengkel Pemberdayaan Kapasiti bagi Pihak Berkusa Tempatan (PBT) Pulau Pinang (Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) & Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)). Tajuk Siri Bengkel Pemberdayaan Kapasiti tersebut adalah “STRATEGIC PLANNING UNDER OUTCOME BASED BUDGETING”.

Bengkel tersebut merupakan susulan daripada Persidangan Serantau Asia dalam Bajet Responsif Gender dan Bengkel Latihan Integrasi Gender ke dalam proses bajet PBT yang telah diadakan pada bulan Februari baru-baru ini.

Pihak PWDC telah menjemput Encik Mohd Sakeri Bin Abdul Kadir, Timbalan Ketua Pasukan Projek (OBB), Pejabat Pasukan Projek OBB, Kementerian Kewangan Malaysia. Encik Sakeri merupakan sebahagian daripada pakar perintis dalam pelaksanaan OBB di Malaysia.

Secara amnya, OBB ialah satu sistem pengurusan berdasarkan hasil yang memerlukan perancangan yang teliti dan berhati-hati

serta pemantauan dan penilaian bagi memastikan ia mencapai hasil yang diinginkan. Secara ringkasnya, ia bukan sekadar “lakukan yang betul” tetapi “lakukan yang betul dengan betul”.

Muay Thai Piala Dr. Afif cungkil bakat muda



AKSI salah seorang peninju muda pada Kejohanan Muay Thai Piala Dr. Afif di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SEBERANG JAYA – Barisan peninju tempatan berjaya mengungguli pertandingan Kejohanan Muay Thai Piala Dr. Afif dengan memenangi hampir semua pertarungan yang dipertandingkan walaupun tali pinggang utama kejohanan dimenangi peserta dari Thailand.

Seramai 48 peserta menyertai kejohanan dua hari tersebut yang dianjurkan secara bersama oleh Kelab Muay Thai Tebuan Sakti dan pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya bertempat di Tapak Ekspo Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

ADUNnya, Dr. Afif Bahardin yang hadir merasmikan kejohanan itu berkata, walaupun hujan, aktiviti terbabit berjaya menarik kehadiran ramai anak muda.

“Program pada hari ini berjaya menyatukan anak-anak muda pelbagai kaum untuk sama-sama menyaksikan perlawanan yang berlangsung sekaligus memupuk semangat setiaawan dan mengeratkan silaturahim di

antara dua negara.

“Di samping itu, kita berharap dengan pengajuran sukan ini ia dapat menarik lebih banyak penyertaan, khususnya daripada golongan belia pada masa akan datang,” katanya di sini baru-baru ini.

Selain perlawanan membabitkan peninju profesional terlatih, kategori junior untuk semua peminat Muay Thai muda berusia 12 tahun ke bawah turut diadakan sebagai usaha untuk mencungkil bakat-bakat muda.

Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan memberitahu, sehingga kini, negara ketandusan bakat-bakat muda sukan berkenaan terutamanya bagi peringkat pelapis di bawah 21 tahun.

“Justeru, saya berharap program seperti hari ini akan lebih kerap diadakan dan mungkin boleh dijadikan acara tahunan bagi kawasan Seberang Jaya,” ujar beliau.

Peninju yang berjaya memenangi perlawanan bagi setiap kategori membawa pulang piala beserta medal dan juga hadiah wang tunai.

AAK-TR lahirkan pengasuh terlatih & kualiti



PARA peserta mengambil bahagian dalam salah satu aktiviti ke arah melahirkan pengasuh terlatih dan berkualiti dalam KAAK-TR di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Pengajuran Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (Taska Di Rumah) (KAAK-TR) Ke-Empat oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan kerjasama Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diharap dapat menambahkan bilangan pengasuh kanak-kanak terlatih di negeri ini.

Harapan tersebut disuarakan Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti merangkap Pengarah PWDC, Chong Eng pada Majlis Pembukaan KAAK-TR bertempat di Dewan Sri Pinang, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Chong Eng berkata, komitmen Kerajaan Negeri untuk menambahbaik kualiti penjagaan kanak-kanak di Pulau Pinang dicerminkan dengan pengajuran kursus tersebut.

“Melalui kursus ini, ia akan membantu menambahkan bilangan dan akses kepada penjagaan kanak-kanak sama ada di pusat-pusat jagaan yang berpusat di rumah, institusi, swasta ataupun komuniti.

“PWDC bersama Kerajaan Negeri sentiasa memberikan sokongan kepada keluarga terutamanya kaum ibu untuk mendapatkan hak penjagaan kanak-kanak yang selamat dan berkualiti,” ujar beliau.

Kira-kira 35 peserta terpilih menjalani kursus selama enam hari berkenaan. Sepanjang kursus, para peserta dilatih dan diberikan pendedahan berhubung cara pengendalian ataupun penubuhan taska dan pusat jagaan kanak-kanak.

Menurut rekod, nisbah pusat jagaan kanak-kanak di Pulau Pinang adalah 1:1352 iaitu bersamaan satu pusat jagaan untuk setiap 1,352 kanak-kanak di bawah 12 tahun.

Oleh: YAP LEE YING
Gambar : IDZHAM AHMAD

ADALAH menjadi impian Rohaini Ismail untuk membawa rempah tradisi keluarganya ke mata dunia.

Berbekalkan semangat dan potensi bidang keusahawanan itu, beliau yang sebelum ini berhijrah bersama suami ke Amerika Syarikat (selepas mendirikan rumah tangga) kini kembali ke tanah air bagi tujuan berkenaan.

Terdedah dan meminati bidang masakan sejak kecil, Rohani yang berperwatakan ceria kini menghasilkan enam produk rempah termasuk garam massala, beriyani, kurma, kari ikan, kari daging dan rasam.

Berada di peringkat permulaan, pasaran produk Rohani kini hanya tertumpu di kedai-kedai runcit berhampiran seperti Batu Lanchang, Pasar Awam Kampung Baru, Air Itam dan Pasar Awam Chowrasta, Jalan Penang.

“Pada peringkat ini (permulaan), memang susah nak dapat pasaran. Tambahan pula, pembungkusan rempah akak tak lawa.

“Apa yang akak buat adalah pastikan pelanggan bau atau hidu produk rempah yang siap diisi dalam botol dan cuba dulu rasa rempah akak yang unik serta turun temurun ini,” kata Rohaini kepada Buletin Mutiara (BM) pada sesi temuramah di kediamannya baru-baru ini.

Dengan penuh yakin, Rohaini menyatakan bahawa masakan menggunakan rempah istimewanya tidak akan menjadi likat dan bertali.

Malah, masakan boleh dihangatkan antara dua hingga tiga hari dengan jaminan ia tidak basi dan rasanya masih sama sedap.

Penglibatan Rohaini dalam bidang penghasilan atau keusahawanan rempah adalah bermula tiga tahun lalu iaitu ketika beliau berada di Amerika Syarikat.

Rohaini cekal pasar rempah tradisi keluarga



REMPAH ratus yang masih belum dikisar.



“Akak suka masak, malah, suami pula suka makan.

“Di sana (Amerika Syarikat), selalu akak masak untuk kawan-kawan. Malah, di atas permintaan, akak telah membuka kelas memasak di rumah mengajar ‘anak-anak murid’ pelbagai latarbelakang seperti Morocco, Brazil, Sepanyol dan lain-lain.

“Dari situ, atas dorongan suami, akak mula memasarkan rempah-rempah melalui laman web dengan target nak

perkenalkan masakan Malaysia di mata dunia,” jelasnya.

Rohaini memberitahu, tidak dinafikan, beliau mempunyai impian untuk membuka restoran sendiri sebagaimana premis ibu dan mendiang bapanya yang begitu terkenal pada tempoh 1972 hingga tahun 1982.

“Antara masakan paling popular mak dan ayah adalah nasi tomato dan beriani. Malah, setiap hari, sudah tentu 24 ekor ayam goreng yang disalut rempah khas habis dijual,” ujar Rohaini yang begitu merindui arwah ayahnya.

Walaupun sering membantu kedua ibu bapanya dengan kerja-kerja restoran, namun, Rohaini tidak pernah dan diberi peluang menyediakan lauk pauk yang dijual.

“Ayah dan mak tidak pernah bagi kami dua beradik (daripada lima beradik) sentuh, hanya dibenarkan tengok sahaja.

“Ketika berusia 30 tahun, apabila berpindah ke rumah sendiri di Teluk Kumbar, buat



ROHAINI Ismail bersama ibunya, Fatimah Salleh.



ROHAINI Ismail menunjukkan rempah-rempah yang diisi dalam botol untuk ‘dicuba’ pelanggan.

“Walaupun resipi turun temurun, saya terpaksa kaji dan ukur balik sukan-sukan campuran rempah sedia ada kerana mak cuma guna sukanan ‘jemput-jemput’, tiada sukanan secara bertulis,” jelas beliau.

Sebagai perancangan masa depan, Rohaini berharap produk keluarannya mampu memperoleh pengiktirafan halal selain bimbingan bagi mempertingkatkan kemahiran sedia ada.

Malah, sekiranya terdapat pihak yang ingin membuat joint venture, Rohaini tidak akan menolak rezeki itu.

Pada masa sama, adalah menjadi harapan Rohaini untuk memperluaskan pasaran produk rempah beliau kini.



AISKRIM Malaysia Special yang turut menjadi produk keluarannya.

pertama kalinya, saya masak dan menu masakan adalah bubur lambuk walaupun ianya bukan pada bulan Ramadhan.

“Tambah membanggakan, ayah kata sedapp,” katanya sambil tersenyum.

Teruja dan diinspirasikan dengan pujian tersebut, Rohaini kian mendalamai bidang berkenaan dan melibatkan diri dalam pembuatan rempah pada 90-an.

INFO :

Flomas Enterprise
019 – 477 4388

Emel :
flomasworld@gmail.com
FB : Rempah Rich FM
(Flomas)

Silat bawa saya ke Seoul – Atikah

ILMU bela diri sering kali disinonimkan dengan kaum Adam. Namun, tiada salahnya untuk golongan Hawa untuk mempelajari seni mempertahan diri, terutama pada zaman serba mencabar sekarang ini.

Macam-macam ditemui di dada akhbar saban hari seperti kes ragut, penipuan, kekasaran yang menyaksikan wanita menjadi mangsa. Seolah-olah wanita memang kaum yang lemah dan layak dilayan sebegitu.

Bagi Atikah Elias, 17, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Perda, menjadi pelatih Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia (PSSLM) sejak lima tahun lepas sedikit sebanyak mendisiplinkan dirinya.

“Di (Taman) Desa Wawasan ini ada gelanggang Silat Lincah. Mula-mula ikut kawan-kawan serta, lama-lama rasa minat.

“Lelaki atau perempuan, elok mempelajari seni bela diri. Tak kiralah Silat Lincah atau (seni) bela diri yang lain.

“Belajar silat ini bukan untuk tunjuk diri kita pandai dan kuat, tetapi, sebenarnya untuk mendisiplinkan diri sahaja,” ujar Atikah semasa diwawancara oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB**.

Atikah merupakan anak bongsu daripada lima beradik. Ayahnya, Elias Hassan, 50-an, dan ibu, Salmah Hashim, 50-an.

“Gelanggang ini macam tempat riadah. Kalau tidak aktiviti di sekolah, ertiinya di sekitar (kawasan kediaman) Desa Wawasan ini lah.

“Latihan di gelanggang pada malam Sabtu dan Ahad, selepas waktu Isyak. Kadang-kadang mak ayah sendiri turut melihat latihan di sini,” katanya.

Terbang ke Seoul

Menurut Atikah, minatnya dalam dunia persilatan telahpun membawanya ke satu kejohanan seni bela diri di Seoul, Korea pada 5 September 2013.

Kira-kira 13 hari, beliau bersama 12 atlet lain mewakili PSSLM ke kejohanan antarabangsa tersebut.

“Saya dan kawan, Nurfirzanah Mohd. Idrus adalah pesilat perempuan, 10 lain adalah lelaki.

“Berdebar juga kerana itulah pertama kali saya ke luar negara membawa nama

pertubuhan (PSSLM), Pulau Pinang dan negara (Malaysia),” jelas beliau.

Atikah memberitahu, Nurfirzanah Mohd. Idrus, 17, merupakan pasangan beliau untuk kategori tempur bersenjata. Mereka nyaris menang, tetapi diketepikan atas kesalahan teknikal, iaitu masa.

Nurfirzanah, katanya, juga anak jati Desa Wawasan. Cuma, Nurfirzanah belajar di Sekolah Menengah Convent Bukit Mertajam.

Ibu bapa Nurfirzanah, Mohd. Idrus Abu Bakar dan Fauziah Ab. Rahman turut memberi sokongan kepada pasangan tempur bersenjata itu untuk mengembangkan bakat masing-masing dalam sukan bela diri.

“Masa dapat tahu nak ke Seoul, rasa macam tidak percaya. Latihan, memang tubi kerana kategori tempur ini memang memerlukan ketangkasan dan ketepatan.

“Main senjata seperti parang, memang tajam. Sebab itu, perlu latihan supaya tidak kesalahan semasa pertandingan tempur di gelanggang (kejohanan) nanti. Tersalah langkah, padahlah jawabnya,” jelasnya.

Tuah di bumi sendiri

“Apabila pertama kali menjelaskan kaki ke Seoul, terdetik juga nak keluar negara lagi. Kata orang, jauh perjalanan luas pandangan,” tambah Atikah.

Dalam majlis bersama-sama Exco Belia & Sukan dan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng di Desa Wawasan baru-baru ini, Atikah turut berkongsi iltizam bahawa beliau memang mahu mengembangkan bakatnya dalam dunia persilatan secara profesional selepas alam persekolahan kelak.

Atikah mengaku, infrastruktur awam di Seoul secara umumnya lebih baik. Pengangkutan awam umpamanya, menurut Atikah, mudah diakses mengikut jadual perjalanan.

Bagaimanapun, Atikah memberitahu, sukar untuk menikmati makanan enak seperti di Malaysia. Kalau ada pun menurut beliau, makanan halal mengikut selesa asing.



ATIKAH Elias dan Nurfirzanah Mohd. Idrus pasangan kategori tempur yang menyertai Kejohanan Beladiri Dunia di Seoul, Korea pada 5 September 2013.

“Pengangkutan dan membeli belah di Korea memang seronok. Cuma, makanan sahaja susah nak cari seperti di Malaysia.

“Betul lah kata orang, hujan emas di negara orang, hujan batu di negara sendiri, lebih baik di negara sendiri,” katanya sambil tersenyum.

Belajar

Walaupun mempunyai minat yang mendalam dalam dunia persilatan, Atikah berkata, tanggungjawab akademik di sekolah sama sekali diabaikan.

“Silat nombor satu, belajar pun bukan nombor dua. Kalau (musim peperiksaan), selalunya aktiviti (latihan di gelanggang) silat pun tangguh supaya boleh beri tumpuan lebih dalam akademik.

“Di sekolah, apabila kita belajar silat, memang kita bawa nama persilatan kita. Kawan-kawan lelaki selalu kata, ‘jangan ganggu dia, dia budak silat’, tetapi, mereka sebenarnya baik belaka,” ujarnya.

Dalam nada bersahaja, Atikah mengaku bahawa beliau sangat riang dengan hobi belajar beladiri dan kawan-kawan dalam alam persekolahannya.

Harapan

Atikah enggan berkongsi mengenai cita-citanya secara khusus. Namun, Atikah berharap beliau dapat melanjutkan pelajaran selepas tamat alam persekolahan kelak.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Chong Eng, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang kerana memberi sumbangan bebeberapa kelangkapan bela diri untuk manfaat penduduk Desa Wawasan.

“Saya berharap bakat dalam dunia persilatan ini boleh dikembangkan ke tahap profesional, dengan macam-macam insentif seperti sumbangan YB (Chong Eng) ini,” jelas beliau.



CHONG Eng (tengah) bergambar dengan dua pelatih PSSLM yang pernah mewakili negara dalam acara tempur di Seoul, Korea pada 5 September 2013, iaitu Atikah Elias (kanan sekali) dan Nurfirzanah Mohd. Idrus.

CSR jadikan Seberang Perai lebih bersih & indah

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BUKIT TENGAH – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menggesa mana-mana pihak yang bersedia menjalankan pengindahan di daerah Seberang Perai melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) supaya menghubungi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Seruan itu dibuat bersempena Majlis Perasmian Projek CSR Lanskap Tanah Lapang Taman Bayu Mutiara oleh Tokong Ang San King di Bukit Tengah di sini baru-baru ini.

Menurut Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif, terdapat lapan lokasi di Seberang Perai

Tengah (SPT) dikenalpasti boleh ditaja individu, pihak syarikat, persatuan, pemaju, industri, sekolah atau lain-lain komuniti untuk dibangunkan.

“Tanah Lapang Taman Bayu Mutiara adalah projek ke-lapan yang telah siap di bawah Program CSR Lanskap MPSP bagi daerah SPT.

“Hari ini merupakan perasmian projek fasa pertama yang menelan belanja sebanyak RM45,000 dan ditaja sepenuhnya Tokong Ang San King merangkumi pembinaan pondok rehat, pemasangan pagar, pembinaan trek jogging dan



TAMAN Bayu Mutiara yang bersih dan indah kini.

pembinaan penutup konkrit bagi parit sedia ada,” katanya.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Ong Chin Wen dan Ang Chai Kooi (Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Tokong Ang San King).

Tambah Maimunah, projek fasa kedua dijangka siap dalam tempoh setahun setengah lagi dan lebih



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung) menyampaikan sijil perhargaan kepada Ang Chai Kooi (berbaju merah) pada Majlis Perasmian Projek CSR Lanskap Tanah Lapang Taman Bayu Mutiara di Bukit Tengah di sini baru-baru ini.

tertumpu kepada penaiktarafan dan penambahan kemudahan peralatan rekreasi seperti pondok rehat untuk warga emas, trek jogging, lampu dan padang futsal.

Dalam pada itu, Maimunah memberitahu, MPSP sentiasa memberi peluang kepada setiap agensi yang berminat untuk mengambil kawasan-kawasan lapang sebagai anak angkat kepada projek CSR.

“Malah, MPSP juga memiliki 1,038 pondok bas yang boleh

dijadikan projek CSR dan pihak-pihak yang berminat untuk menjalankan aktiviti ini boleh memohon kepada terus kepada MPSP.

“Melalui aktiviti CSR ini, ia bukan sahaja dapat membantu menjadikan kawasan Seberang Perai ini lebih bersih dan indah, malah dapat menggalakkan masyarakat mempunyai sikap *sense of ownership, belonging and pride* sekaligus lebih menghargai projek yang dijalankan,” ujar beliau.

Aduan penduduk dapat perhatian MPPP

BATU MAUNG –

Masalah yang membelenggu penduduk *Prestige V* di sini akibat kebanjiran pekerja warga asing di kawasan perumahan elit tersebut mendapat perhatian Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini.



KAWASAN perumahan Prestige V, Batu Maung di sini.

pecah rumah.

“Kamera litar tertutup (CCTV) sengaja dimatikan dan terdapat cubaan memanjat tembok pagar rumah penduduk setempat,” ujarnya yang telah menetap di situ lebih enam bulan kepada wakil Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Ekoran itu, tambah beliau, sebanyak tiga laporan polis telah dibuat penduduk dan sepucuk surat aduan turut dipanjangkan ke pengetahuan pihak MPPP.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas, Chun Kit menyatakan bahawa, kawasan perumahan tersebut menjadi tumpuan ekoran faktor lokasinya yang terletak berhampiran kawasan perindustrian.

“Pihak Majlis akan cuba aturkan perjumpaan khas di antara penduduk dan juga agen-agen pekerja asing ini bagi berbincang dan mencari jalan penyelesaian,” ujar beliau.

Salah seorang penduduk yang tidak mahu identitinya dikenali berkata, permasalahan tersebut bukan sahaja melibatkan kebersihan persekitaran, malahan, isu keselamatan penduduk.

“Tahap kebersihan di sini kurang memuaskan yang mana sampah dibuang merata, longkang tersumbat dan kediaman asrama mereka (warga asing) tidak disenggara dengan teratur.

“Lebih teruk adalah keselamatan penduduk terancam apabila pada Disember tahun lalu berlaku kes

MPPP bagi tempoh Line Clear selesai pertikaian

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bakal mengambil alih tapak Restoran Nasi Kandar Line Clear yang terletak di salah sebuah lorong di Jalan Penang di sini sekiranya pertikaian hak milikan antara empat rakan kongsinya tidak diselesaikan dalam tempoh ditetapkan.

Perkara tersebut dinyatakan Pengarah Bahagian Pelesenan MPPP, Azman Sirun ketika perjumpaan khas bersama-sama wakil peniaga restoran tersebut di Komtar di sini baru-baru ini.

Katanya, masalah pertikaian timbul berikutnya salah seorang daripada empat ahli keluarga yang bertanggungjawab menguruskan restoran tersebut tidak mematuhi sistem giliran telah dipersetujui iaitu setahun operasi bagi setiap orang.

“Memandangkan tempoh masa yang diberikan Majlis tidak dipatuhi keluarga berkennaan, Majlis akan melakukan pengosongan kawasan bagi menyusun semula aktiviti penajaan berkennaan selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil Majlis.

“Tindakan ini adalah untuk memastikan aktiviti perniagaan berkennaan dijalankan berdasarkan syarat dan peraturan.

“Penetapan tahun menjalankan aktiviti perniagaan kepada ahli keluarga berkennaan akan dibuat supaya tiada pertikaian timbul selepas penyusunan dijalankan,” ujarnya selepas pertemuan bersama wakil-wakil peniaga Restoran Nasi Kandar Line Clear baru-baru ini di sini.



RESTORAN Nasi Kandar Line Clear.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MPPP dan tiga pemilik seberinda Restoran Nasi Kandar Line Clear, C. Sahubarali, T. Abdul Latiff dan wakil kepada Pathumah Iskandar.

Difahamkan, restoran nasi kandar yang amat popular berkenaan kini diuruskan Abdul Hamid Seen Pakir dari tahun 2008 hingga kini.

Namun, beliau (Abdul Hamid) dipercayai telah mengingkari perjanjian apabila gagal memberikan giliran kepada C. Sahurabali pada tahun 2011 sehingga menimbulkan pertikaian di antara tiga pemilik yang lain hingga kini.

Sebagai rekod, MPPP hanya mengeluarkan tiga lesen kepada pemilik-pemilik lain untuk menjalankan perniagaan di tapak tersebut.

Manakala, Sahurabali ketika ditemui berkata, perbincangan berhubung giliran perniagaan di restoran berkennaan telah cuba diadakan beberapa kali.

“Tapi, kesemua menemui jalan buntu apabila Abdul Hamid tidak mahu mengembalikan giliran kepada pihak sepatutnya.

“Tujuan kami mengadu kepada MPPP adalah supaya sistem giliran dikembalikan dan perniagaan beroperasi seperti dahulu,” tegas beliau.

MPPP sedia poster adu premis makan kotor

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Poster bercetak berhubung informasi premis makanan kotor disediakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bakal memudahkan orang ramai menyalurkan aduan secara terus kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit bagi tindakan lanjut.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam merangkap Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong berkata, bagi tujuan tersebut, sebanyak 2,000 poster telah dicetak dan ditampal di sekitar premis-premis makanan sekitar bahagian pulau baru-baru ini.

“Jika dapat premis makanan dikunjungi kotor, mereka (para pengunjung atau pelanggan) boleh terus membuat aduan berpandukan kepada nombor telefon dan maklumat yang tertera pada poster.

“MPPP melalui Jabatan Pelesenan telah mula melekat dan menampal poster-poster berjumlah 2,000 keping di kesemua premis makanan di kawasan pulau bermula awal Jun lalu,” ujarnya selepas mengadakan operasi kebersihan di sekitar Jalan Kuantan di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Ah Teong memberitahu, sebanyak empat



KEADAAN salah sebuah premis makanan yang diperiksa.

sururan aduan pihak berwajib disediakan iaitu MPPP, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Pejabat Kesihatan Daerah Barat dan juga Timur Laut.

Dalam perkembangan sama, katanya MPPP giat menjalankan operasi kebersihan dari masa ke masa untuk memastikan premis-premis makanan di sini



ONG Ah Teong menunjukkan poster berserta informasi aduan premis makanan kotor yang ditampal di sini baru-baru ini.

benar-benar mengikut 950.00.

“Manakala, sehingga Mei tahun ini (2014), Majlis telah menjalankan 95 operasi dengan jumlah kutipan kompaun berjumlah RM167, 080.00,” tegas Ah Teong.

Sama-sama jaga tanah lapang - Prof.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PERAI – Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berharap agar penduduk di sekitar Perai dapat sama-sama menjaga kawasan tanah lapang disediakan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk kegunaan orang ramai di sini.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Projek Pengindahan Taman Poket Taman Kepar di sini baru-baru ini sebagai kesinambungan kepada Projek Pengindahan Perai yang dijalankan sejak hujung tahun lepas.

Menurut Ramasamy, inisiatif pengindahan tersebut adalah selari dengan moto Kerajaan Negeri untuk mewujudkan komuniti yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

“Kawasan tanah lapang ini merupakan kawasan disediakan pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk kegunaan orang ramai dan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak.

“Program seperti ini haruslah dijadikan titik permulaan untuk mengubah perspektif masyarakat dalam menjaga kebersihan dan kehijauan di negeri ini supaya matlamat projek penghijauan ini dapat dicapai,” katanya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang di-Pertua MPSP,



M. Satees (tengah) membantu salah seorang kanak-kanak menanam pokok sakura Malaysia pada Majlis Perasmian Projek Pengindahan Taman Poket Taman Kepar di sini baru-baru ini.

Maimunah Mohd. Sharif dan Ahli-ahli Majlis MPSP, P. David Marshel dan M. Satees.

Turut diselitkan adalah acara penanaman pokok *Tecoma* atau *sakura Malaysia* oleh kanak-kanak berusia 15 tahun ke bawah sebagai pendedahan awal berhubung usaha penjagaan alam sekitar.

Menurut Ramasamy, projek pengindahan berkenaan merupakan projek keempat yang telah dijalankan beliau dengan kerjasama MPSP.

“Saya berharap pihak MPSP dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di sini dapat memberikan keutamaan menjalankan program berorientasikan penghijauan dan kebersihan alam sekitar.

“Walaupun begitu, ia hendaklah dijalankan secara berterusan agar matlamat penghijauan bandar Perai dapat dicapai.”

Segera baiki aliran trafik ke AEON Bkt. Mertajam

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

MACHANG BUBUK – Lampu trafik berhadapan pintu utama pasar raya AEON Bukit Mertajam dekat Jalan Rozhan dinyah fungsi mulai 13 Jun lalu untuk satu tempoh yang akan dimaklumkan kelak demi memperbaiki sistem aliran trafik di sepanjang jalan utama berkenaan di sini.

Lanjutan itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon turut meminta Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) membentangkan semula Kajian Impak Trafik (TIA) berwajib memandangkan pasar raya tersebut telahpun beroperasi.

Beliau berkata demikian selepas berbincang dengan wakil MPSP, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pasar Raya AEON sendiri.

“Banyak aduan diterima (menyebut) trafik sesak teruk pada waktu puncak, terutama pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

“Saya telah meminta aliran trafik di sini segera diperbaiki, kalau boleh sebelum masuk bulan puasa (Ramadhan) dan musim perayaan (Hari Raya Aidilfitri),” ujarnya kepada pemberita baru-baru ini, sebelum meninjau lokasi kesesakan trafik di sini.

Penolong Pengurus Pasar raya AEON, Rohaniza Harun, Norhamiza Mohd. Rosli (Penolong Jurutera JKR Daerah Seberang Perai Tengah) serta dua Ahli Majlis bagi MPSP, Michael Tan Cheong Eng dan Ho Leng Hong turut menyertai perbincangan ringkas di sini.

Hadir sama, Pengasas MPSP Watch, Bernard Cheen dan Mohd. Ikhwan Nasser Mohamad Isa



PARKIR sementara milik AEON berdekatan Kompleks MyDeport yang dibuka percuma untuk kegunaan pengunjung pasar raya berkenaan serta penduduk setempat.

(Pegawai Khas Lee Khai Loon) serta wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) bagi Taman Impian, Taman Impian Jaya, Taman Alma Jaya dan Taman Sri Kiang.

Leng Hong pula mengesyorkan agar 1,619 petak letak kenderaan utama berdepan AEON dibuka lebih awal, demi mengelakkan pengunjung pasar raya berkenaan serta pengguna lain lebih memilih untuk parkir di bahu jalan raya utama secara salah.

Malah, syor beliau lagi, pihak berwajib wajar menyediakan laluan melintas jalan yang lebih sempurna jika mahu memaksimumkan penggunaan 222 petak parkir sementara lain milik AEON, berdekatan Kompleks MyDeport di sini.

Mengulas mengenai syor tersebut, Rohaniza menjelaskan, pihaknya memilih untuk membuka tapak parkir utama seawal jam 10 pagi hingga 10 malam demi mengutamakan keperluan pekerja serta pelanggan sebenar AEON.

Bagaimanapun, pihaknya bersedia untuk bekerjasama dengan semua pihak berwajib supaya isu kesesakan trafik di Jalan Rozhan yang berbangkit tersebut dapat diselesaikan sesegera mungkin demi kepentingan penduduk setempat.

Jalan berlopak undang bahaya - ADUN

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

SUNGAI DUA – Kepayahan penduduk yang terpaksa mengharungi jalan berlubang, pecah dan berlopak setiap hari di sekitar Kampung Kangkung, Jalan Sungai Dua di sini memperoleh perhatian Ahli Dewan Undangan (ADUN) Batu Uban baru-baru ini.

ADUNnya, Dr. T. Jayabalan yang turun padang meninjau permasalahan tersebut menyatakan bahawa, masalah tersebut semakin teruk berikutan lori yang sering keluar masuk membawa muatan pasir untuk diadun sebelum dibawa semula ke tapak-tapak projek.

“Jalan ini adalah laluan utama penduduk kampung untuk masuk dan keluar menjalankan aktiviti harian.

“Pada masa sama, laluan ini digunakan

oleh lori yang sarat muatan pasir.

“Ini mengundang bahaya kepada penduduk kampung,” katanya pada sesi turun padang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Komuniti (JKKK) Lip Sin, Chan Soon Aun.

Tambah Jayabalan, para penduduk bukan sahaja terpaksa melalui jalan yang tidak sempurna, malah juga berisiko sehingga membahayakan keselamatan masing-masing.

Sementara itu, beliau turut memberitahu bahawa dua lif di Pangaspuri Taman Jubilee Fasa 2 di sini kini dalam peringkat awal pelaksanaan setelah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Sebelum itu, beliau turut merasmikan kemudahan parkir kereta ‘Touch n Go’ di pangaspuri sama.



DR. T. Jayabalan (kanan sekali) ditemani Chan Soon Aun (dua dari kanan) bersama-sama penduduk meninjau laluan utama ke Kampung Kangkung, Jalan Sungai Dua yang berlubang, pecah dan berlopak di sini baru-baru ini.

Pertandingan gitar pikat peserta luar negeri



GAYA peserta wanita dalam pertandingan Penang Fingerstyle Guitar Competition 2014 di sini baru-baru ini.

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

TANJONG BUNGA – Nicholas Tham, 15, dari Selangor dan Lai Ze Ren, 20, (Kuala Lumpur) mengungguli pertandingan Penang Fingerstyle Guitar Competition 2014 yang diadakan di Dewan Balai Rakyat Tanjung Bunga dekat sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian sejurus selepas Nicholas berjaya mengetepikan lima peserta lain bagi Kategori 2 (bawah 16 tahun) dan membawa pulang gitar akustik Sierra Alpine SDS35CEN berserta aksesori.

Ze Ren yang mengalahkan enam peserta lain dalam Kategori 1 (16 tahun ke atas dan 23 tahun ke bawah) membawa pulang gitar akustik Faith FKV Venus Concert Cutaway/Electro berserta aksesori.

Sebelum itu, setiap peserta dikehendaki mendendangkan dua buah lagu menggunakan gitar akustik secara fingerstyle (gaya dan komposisi muzik).

Pertandingan tersebut diadili tiga hakim iaitu penulis bebas, Carolyn Khor, gitaris dari Klang

Andy Ngew dan gitaris dari Pulau Pinang, Leon Thum.

Pertandingan yang julung kali dianjurkan tersebut turut mendapat kerjasama daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Emas dan beberapa pertubuhan muzik tempatan seperti Spectrum Music, LBS Music World, GuitarMalaysia.net serta Nova Prodigy Music.

Dalam pada itu, Yee Cheu ketika ditemui sejurus selepas pengumuman pemenang berkata, beliau amat teruja dan tidak menyangka pertandingan tersebut mendapat sambutan luar biasa.

“Kita lihat pada hari ni, bukan sahaja dari Pulau Pinang, tetapi ada peserta dari Melaka, Selangor, Kuala Lumpur, Perak dan juga Sabah menyertai pertandingan ini.

“Ia (pengajuran) merupakan satu aktiviti yang sihat khususnya para belia untuk menjadikan minat bermain gitar sebagai satu hobi atau kerjaya profesional suatu hari nanti,” katanya.

Gelanggang bola keranjang Desa Mawar pulih



WONG Hon Wai memasang jaring baharu sebagai inisiatif membaikpulih dan naiktaraf sebuah gelanggang bola keranjang di rumah pangsa Desa Mawar di sini baru-baru ini

AIR ITAM – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai memperuntukkan sejumlah RM4,700 bagi tujuan membaikpulih dan naiktaraf sebuah gelanggang bola keranjang di rumah pangsa Desa Mawar dekat sini baru-baru ini.

Hon Wai berkata, peruntukan tersebut termasuk kerja-kerja membaiki lantai, pemasangan tiang, papan dan jaring baharu.

“Saya harap dengan kerja-kerja membaikpulih gelanggang ini, ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan belia di sini untuk bersukan atau menjalani latihan bola keranjang dalam keadaan lebih selesa terutama ketika musim cuti persekolahan.

“Lagipun, gelanggang ini kini sudahpun mencecah usia 10 tahun dan perlu diselenggarakan dengan sempurna,” katanya pada sidang akhbar sejurus selepas

majlis ringkas merasmikan gelanggang tersebut di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, inisiatif tersebut turut disambut baik Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Thean Teik di sini.

Dalam perkembangan sama, Hon Wai turut bercadang untuk menaiktaraf dan membaikpulih kemudahan-kemudahan sukan di 15 kawasan sekitar Air Itam.

“Saya amat berharap ada pihak atau syarikat-syarikat bukan kerajaan (NGO) tampil menyumbang dana untuk membaikpulih, menaiktaraf serta menyelenggara kemudahan-kemudahan sukan di seluruh Air Itam.

“Saya percaya usaha ini mampu melahirkan generasi yang sihat dan gemar bersukan,” ujar beliau ketika mengadakan tinjauan di gelanggang bola keranjang di Desa Mawar baru-baru ini.

Komitmen kerajaan turap jalan setiap 5 tahun

AIR ITAM – Sejumlah RM508,000 diperuntukan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi kerja-kerja menurap semula 15 jalan di Taman Chor Sin Kheng, Lembah Ria (*Happy Valley*) dan Jalan Balik Pulau dekat sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, projek penurapan semula di bawah JKR itu mencakupi sejumlah 20,900 meter persegi (m²).

“Projek penurapan semula jalan ini telah bermula sejak bulan Mac lalu dan akan siap kira-kira tiga bulan selepas itu.

“Ini termasuk kerja-kerja penurapan sejauh dua kilometer (km) di Jalan Air Itam dari Wisma Anak Yatim (Lelaki) hingga ke

bulatan menuju ke pasar Air Itam dan Bukit Bendera,” katanya sejurus selepas mengadakan tinjauan projek berkenaan di Taman Chor Sing Kheng di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Hon Wai berkata, penurapan semula di Jalan Kampung Pisang telahpun dilaksanakan dua tahun lalu dengan kos RM40,000 dan turut bercadang untuk menurap semula Jalan Kaki Bukit dalam tempoh terdekat.

“Kerajaan Negeri juga telah megambil pendekatan untuk menurap semula jalan-jalan (di Pulau Pinang) secara sistematik setiap lima tahun, sekaligus menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memberi keselesaan kepada pengguna,” ujar beliau.



WONG Hon Wai (empat dari kiri) bersama-sama beberapa penduduk Taman Chor Sing Kheng meninjau keadaan jalan yang bakal diturap di sini baru-baru ini.



PASUKAN KSTB meraikan kemenangan pada Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah, Piala Dato' Hj. Abdul Halim Hussain di sini baru-baru ini.

KSTB juara Piala Dato' Hj. Abdul Halim Hussain

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

BALIK PULAU – Pasukan Kelab Sukan Teluk Bahang (KSTB) muncul juara pada Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah, Piala Dato' Hj. Abdul Halim Hussain di sini baru-baru ini.

Pasukan KSTB menewaskan pasukan Mutiara Ixora dengan kelebihan satu gol menerusi penentuan penalti, sekaligus melayakkan mereka membawa pulang wang tunai RM1,500 berserta medal dan piala pusingan.

Manakala, pasukan Mutiara Ixora pula meraih RM1,000 berserta medal dan trofi selaku naib juara.

Kejohanan tersebut memperlihatkan 16 pasukan bola sepak terdiri daripada belia tempatan berentap merebut hadiah wang tunai berjumlah RM3,500 serta piala pusingan.

Mantan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Teluk Bahang (PPK), Abdul Halim ketika ditemui berkata, kejohanan bola sepak terbabit memasuki tahun ke-lima penganjurannya di sini dan bertujuan menggalakkan belia tempatan menjalani gaya hidup sihat dengan bersukan.

Selain itu, katanya, ia juga menjadi aktiviti riadah yang sekaligus mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat dan belia setempat.

“Golongan belia adalah pelapis yang bakal mencorakkan masa depan, sekiranya mereka (golongan belia) dilatih dan diberi pendedahan begini dari sekarang, maka saya percaya, minat mereka (golongan belia) terhadap bola sepak mampu dipupuk dan disemai ke tahap yang lebih tinggi,” katanya sejurus selepas perasmian kejohanan di Padang Bola Kongsi di sini.

48 keluarga tarik nafas lega dapat rumah baharu



DR. T. Jayabalan (dua dari kiri) menerima borang-borang permohonan daripada Tahir Yahaya (berbaju merah) untuk diserahkan kepada pemaju sebagai pampasan pengambilan tanah di sini baru-baru ini.

BATU UBAN – Seramai 48 keluarga di Kampung Batu Uban di sini menarik nafas lega apabila teka-teki untuk memperoleh pampasan pengambilan tanah terjawab dengan masing-masing menerima surat pengesahan perolehan rumah daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan ketika ditemui mengumumkan perkara tersebut dalam suatu majlis ringkas penyerahan borang-borang permohonan rumah di sini.

“Kerajaan Negeri sentiasa ambil peduli hal ehwal rakyat dan terbukti apabila 48 keluarga dari Kampung Batu Uban di sini bakal menduduki rumah baharu kelak. “Setiap keluarga akan menerima satu unit rumah kos sederhana rendah dengan nilai RM72,500 berkeluasan 750 kaki persegi sebagai ganti.

“Manakala, 13 keluarga lain turut diberi keistimewaan di mana mereka (keluarga) berjaya membeli rumah dengan harga RM30,000 setiap satu menerusi skim perumahan ditawarkan pemaju,” jelas beliau.

Sebelum ini, keluarga-keluarga terbabit mengisi borang-borang permohonan berkaitan yang kemudian diserahkan oleh Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Batu Uban, Tahir Yahaya kepada Jayabalan untuk diserahkan kepada pemaju.

Menurut beliau, pihak pemaju, *Asia Green Group* telah membeli tanah di kawasan terbabit pada tahun 2013 untuk dibangunkan perumahan baharu. Sebagai ganti pengambilan tanah, setiap keluarga menerima pampasan satu unit rumah dalam projek berkenaan.



Pulau Pinang Cakna Kebajikan Rakyat Program-program EMAS Untuk Semua



DAFTARLAH
SEKARANG!!!
di pejabat
**ADUN
ANDA!**

Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat

